



MENANGANI CABARAN SEMASA
LAPORAN TAHUNAN 2020




LAPORAN TAHUNAN 2020

► RASIONAL KULIT DEPAN

MENANGANI CABARAN SEMASA

Dalam menghadapi perubahan yang drastik dalam landskap global lantaran kesan daripada pandemik, MyCC menyedari tentang keutamaan untuk membantu perniagaan di Malaysia menghadapi gelombang ini. Reka bentuk kulit ini merupakan personifikasi pelbagai gambaran berkaitan visi dan kemahiran MyCC dalam memenuhi visi tersebut untuk terus maju ke arah pemulihran pembangunan, dengan peningkatan ke arah nilai-nilai seperti kepintaran, strategi dan kolaborasi. Akhirnya, kemuncak kepada segala usaha-usaha ini ialah kepercayaan dan jaminan bagi perusahaan-perusahaan untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran pada hari ini dan menyinar kembali pada hari esok.



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

Tingkat 15, Menara SSM @Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

TEL: +603-2273 2277 / +6019 215 2273 | **EMEL:** enquiries@mycc.gov.my

MEDIA SOSIAL: @themycc

LAMAN SESAWANG: www.mycc.gov.my

KANDUNGAN

01	► PERUTUSAN MENTERI	02
02	► PRAKATA PENGERUSI	04
03	► PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	06
04	► MAKLUMAT KORPORAT	10
	i. Pengenalan	
	ii. Visi dan Misi	
	iii. Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya	
	iv. Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas Persaingan	
	v. Bidang Kuasa di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712)	
	► Larangan Utama di bawah Akta 712	
	vi. Struktur Organisasi	
	► Fungsi Setiap Bahagian	
	vii. Anggota-anggota Suruhanjaya	
05	► PERISTIWA PENTING	34
06	► ULASAN TAHUN 2020	38
	i. Aktiviti Penguatkuasaan	
	ii. Nasihat Dasar	
	iii. Kajian Semula Pasaran	
	iv. Program Advokasi	
	v. Program Antarabangsa	
	► Pembinaan Kapasiti	
	► Mesyuarat	
	vi. Lawatan Kerja	
	vii. Komunikasi dan Perhubungan Awam	
	► MyCC dalam Berita	
07	► PENYATA KEWANGAN	70

PERUTUSAN MENTERI



“
Semenjak penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 dan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), MyCC telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh dedikasi dalam tugas advokasi dan penyiasatan terhadap isu berkaitan persaingan di negara ini. Salah satu tugas utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ialah memastikan tiada unsur yang boleh memudaratkan ekonomi domestik dan menjelaskan perdagangan dalam negeri serta kepentingan pengguna secara negatif. Justeru, adalah penting bagi KPDNHEP melalui MyCC untuk memastikan ekonomi domestik dapat terus berkembang melalui persaingan dan inovasi berterusan yang adil dengan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010.

YB DATU SRI
ALEXANDER NANTA LINGGI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Akta Persaingan 2010 telah banyak memberikan kesan-kesan positif kepada ekonomi Malaysia. Akta Persaingan 2010 merangkumi semua keperluan yang diperlukan berhubung dengan dasar dan undang-undang persaingan. Dengan Undang-undang Persaingan, tingkah laku antipersaingan yang boleh menghalang atau menyekat persaingan, seperti perjanjian mendatar dan menegak dalam rantai perniagaan dan penyalahgunaan kedudukan pasaran yang dominan, akan dilarang.

Tingkah laku antipersaingan ini berkemungkinan boleh menjelaskan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Persaingan dalam pasaran akan memaksa perusahaan menjadi lebih cekap dan inovatif dalam menyelidik serta membangunkan produk dan teknik pembuatan baharu. Justeru, harga produk pengguna akan dapat dikurangkan, manakala pilihan dan ketersediaan barang dan perkhidmatan akan meningkat, sekali gus boleh memberi manfaat kepada pengguna secara langsung.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada MyCC atas peranan aktifnya dalam menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 serta memastikan bahawa tindakan diambil untuk memerangi amalan antipersaingan yang terdapat dalam pasaran, demi memupuk pasaran yang sihat dan berdaya saing agar sesuai dengan keperluan ekonomi Malaysia yang sedang pesat membangun. Ekonomi yang mempunyai jumlah persaingan yang sihat, akan meningkatkan daya tarikan negara kita sebagai satu destinasi perniagaan yang menarik bagi pelaburan domestik dan asing.


Kedudukan Malaysia juga dilihat telah melonjak pada tangga ke-12 dalam Penarafan Global bagi Ease of Doing Business, mengatas-

kedudukan beberapa negara seperti Kanada (ke-23), Jerman (ke-22), serta Australia (ke-14). Dalam laporan penarafan tersebut, Malaysia turut menduduki tempat ketiga dalam ASEAN selepas Singapura dan Hong Kong SAR, China.

Tahun 2020 merupakan tahun yang sukar berikutnya pandemik COVID-19. Keadaan ini bagaimanapun, telah memaksa ekonomi Malaysia untuk berkembang dan mendorong ke arah pendigitalan perniagaan dan mempercepatkan kemajuan teknologi. Walaupun ia membawa potensi pertumbuhan yang besar kepada ekonomi dan perniagaan di Malaysia, ia juga memberikan cabaran yang sukar untuk pengawal selia seperti MyCC. Namun, Malaysia bertuah kerana ketika negara berhadapan dengan cabaran yang timbul akibat daripada penularan pandemik, MyCC terus berusaha dalam memastikan amalan dan perlakuan antipersaingan tidak berlaku dalam pasaran semasa dan yang sedang pesat membangun.

MyCC diberikan tanggungjawab yang besar iaitu dengan kuasa untuk mempromosikan dan memastikan persaingan kondusif dalam pasaran-pasaran yang berkaitan di Malaysia. Saya percaya bahawa MyCC akan dapat menghadapi cabaran semasa pandemik ini, di samping mengukuhkan dan meningkatkan persaingan di Malaysia. Kerajaan akan terus menyokong dan memperkasakan MyCC dalam mempromosikan visi dan misi mereka. Saya yakin MyCC akan menjadi agensi penguatkuasaan yang terbaik dan paling aktif di negara ini.

PRAKATA PENGERUSI



“
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada 1 April 2011 sebagai sebuah badan berkanun yang ditugaskan untuk memastikan proses yang adil dan kondusif bagi persaingan di Malaysia. MyCC ialah sebuah agensi yang didorong oleh misi dan visinya, iaitu untuk menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di Malaysia, memastikan budaya persaingan yang kondusif untuk melindungi kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi Malaysia. Semenjak penubuhannya, MyCC terus aktif meningkatkan kesedaran dalam kalangan perniagaan dan masyarakat tentang kepentingan untuk mematuhi Akta Persaingan 2010.
”

YBHG. DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS

Pengerusi

MyCC ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah menjalankan pelbagai program advokasi serta penyiasatan untuk menggalakkan budaya persaingan yang adil di Malaysia. Sehingga kini, MyCC terus berperanan sebagai sebuah agensi yang menjadi rujukan kepada Kerajaan dalam hal-hal berkaitan persaingan. Undang-undang persaingan adalah asas kepada mana-mana ekonomi moden. Ia berfungsi untuk memastikan pasaran bebas beroperasi secara adil dan melarang sebarang aktiviti perniagaan yang berunsur eksplotasi atau eksklusif yang menghalang persaingan sihat dalam pasaran.

Tahun 2020 sememangnya satu tempoh yang telah membawa suatu peristiwa yang besar, bukan sahaja kepada MyCC tetapi juga kepada seluruh dunia. Pandemik COVID-19 berlaku secara tidak dijangka, dan malangnya, ia telah menyebabkan ekonomi dunia mengalami kemerosotan. Tidak dinafikan, MyCC turut terjejas oleh pandemik tersebut. Walau bagaimanapun, usaha MyCC dalam melaksanakan misi dan visinya telah membantu MyCC untuk menempuh segala halangan dan kemudaratuan yang dihadapi. Walaupun semasa menghadapi halangan yang mencabar ini, MyCC telah berjaya menganjurkan 14 program advokasi yang melibatkan sektor awam dan swasta demi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan persaingan yang adil dalam pasaran. Di sebalik cabaran yang dihadapi semasa pandemik ini, MyCC tetap berjaya menjalankan tugasnya dan berjaya mengeluarkan dua Keputusan Cadangan terhadap 7 Pengusaha Operator Gudang di Pelabuhan Klang dan Pengendali Ro-Ro Langkawi. MyCC juga telah mengeluarkan Keputusan Akhir terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan.

Walaupun prestasi ekonomi Malaysia menjunam teruk semasa pandemik ini, keadaan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

digital yang pesat. Justeru, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Nasional dan Rangka Tindakan 4IR telah memperakui peranan penting dasar dan undang-undang persaingan dalam mengawal selia persaingan dalam pasaran digital. Sehubungan itu, MyCC telah ditugaskan untuk menasihati dan memberikan cadangan kepada Lembaga Penasihat Dasar Ekonomi Digital Nasional dan Majlis 4IR mengenai dasar berkaitan persaingan. MyCC bertanggungjawab untuk mengkaji semula undang-undang dan dasar persaingan sedia ada dalam memudahkan pertumbuhan ekonomi digital di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) menjelang tahun 2023.

Selain itu, MyCC juga aktif dalam penglibatan dengan pihak berkuasa persaingan di seluruh dunia untuk mengadakan perbincangan dan bertukar pandangan mengenai peruntukan penggabungan dan pengambilalihan. Ketiadaan peraturan kawal selia aktiviti penggabungan telah sedikit sebanyak mengganggu kuasa MyCC untuk mengawal selia perubahan dalam struktur pasaran. Pada waktu ini, kuasa MyCC terhad kepada hanya mengawal selia tingkah laku selepas penggabungan. MyCC kini sedang berusaha untuk meminda Akta Persaingan 2010 dengan memperkenalkan rejim kawalan penggabungan bagi mengukuhkan kuasanya sebagai pihak berkuasa persaingan di Malaysia.

MyCC ialah sebuah agensi yang telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi untuk menguatkuasakan tingkah laku persaingan dalam ekonomi Malaysia. MyCC akan mempersiapkan diri dengan kemahiran dan strategi yang betul bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Dengan kebangkitan ekonomi digital, MyCC juga diperlukan untuk melindungi proses persaingan. Saya yakin bahawa MyCC akan mencapai kejayaan yang lebih besar pada tahun 2021 dan berupaya untuk meningkatkan potensi ekonomi Malaysia ke peringkat yang selanjutnya.

PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



“
Akta Persaingan 2010 (Akta 712) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 adalah bertujuan untuk memudah cara pembangunan ekonomi dengan mempromosi dan melindungi proses persaingan di Malaysia. MyCC telah ditubuhkan selama hampir 10 tahun, dan sepanjang tempoh ini, MyCC telah menghadapi pelbagai cabaran dalam mempromosikan dan menyelesaikan isu berkaitan persaingan.
”

ENCIK ISKANDAR ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif

Selama hampir sedekad, MyCC telah melindungi amalan persaingan yang adil di Malaysia, dan dengan sedemikian, telah meningkatkan kedudukan negara kita setanding dengan pasaran terbuka di peringkat antarabangsa. Peranannya termasuklah untuk melindungi proses persaingan yang bebas dan adil dalam pasaran komersial demi kepentingan pengguna dan perniagaan. Fungsinya juga termasuklah penyiasatan dan penguatkuasaan, menjalankan kajian semula pasaran berhubung isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia dan mengeluarkan nasihat dasar serta garis panduan mengenai undang-undang persaingan. Suruhanjaya ini juga menjalankan program pendidikan dan advokasi untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang kepentingan persaingan.

MyCC sentiasa berusaha dalam melindungi proses persaingan dengan melaksanakan kajian ke atas pasaran-pasaran yang berkaitan. Pada tahun 2020, MyCC telah menyelesaikan Kajian Semula Pasaran bagi Sektor Perkhidmatan di Malaysia, khususnya bagi industri borong dan runcit bagi produk terpilih. Kajian semula pasaran ini bertujuan untuk mengenal pasti isu, cabaran dan amalan antipersaingan dalam industri perdagangan borong dan runcit di Malaysia serta mengkaji semula apa-apa perundungan atau dasar kerajaan yang menyekat persaingan atau mengancam pembangunan industri dalam sektor terpilih. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat, termasuk agensi Kerajaan yang telah menjayakan kajian semula ke atas pasaran ini dengan memberikan maklum balas dan cadangan sepanjang tempoh rundingan awam. Pada tahun 2021, MyCC akan menjalankan Kajian Semula Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 bagi

Sektor Pengangkutan Terpilih di Malaysia (Ekosistem Logistik Pelabuhan dan Waranti Kenderaan Bermotor).

MyCC sangat mementingkan program pembinaan kapasiti tempatan dan antarabangsa dalam membangunkan amalan terbaik serta meningkatkan kecekapan pegawainya. Pada masa yang sama, MyCC yakin bahawa kami akan dapat memupuk dan membangunkan pakar dalam undang-undang persaingan demi memperkasakan rejim penguatkuasaan di Malaysia melalui program-program ini. Pada tahun 2020, MyCC berpeluang untuk menghadiri *ACF 15th Annual Conference, Europe - Asia Trade, Investment and Antitrust: Challenges and Opportunities* di Valencia, Sepanyol, serta *2020 Forum on Competition in Developing Countries* di Manila, Filipina, sebelum COVID-19 merebak secara berleluasa di Malaysia. Walau bagaimanapun, MyCC sentiasa mengambil inisiatif untuk menghadiri beberapa program dan mesyuarat antarabangsa secara dalam talian semasa pandemik, termasuklah *Virtual Training with the World Bank, APEC 13th Conference on Good Regulatory Practices (GRP13)*, dan *ASEAN - ERIA dialogue on Digital Trade*, yang telah menambah baik tahap kepakaran tenaga kerja. MyCC akan terus berusaha menghadapi cabaran ini dengan mengambil bahagian dalam program pembinaan kapasiti dan penempatan kakitangan serta mengukuhkan lagi kerjasama antarabangsa.

MyCC sentiasa berusaha untuk mengukuhkan peranannya sebagai pihak berkuasa persaingan dengan menjalankan program advokasi untuk mendidik orang ramai mengenai Akta Persaingan 2010 dan kesan persaingan ke atas ekonomi untuk manfaat masyarakat. Program advokasi

PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MyCC berfungsi sebagai satu cara untuk memupuk kesedaran dalam kalangan orang ramai, terutamanya pihak berkepentingan yang terdiri daripada pengawal selia sektor, ahli akademik, pengamal, PKS, agensi kerajaan dan kementerian. Walaupun MyCC menghadapi cabaran semasa pandemik ini, kami telah berjaya menjalankan 14 program advokasi, iaitu Siri Kuliah Professor Whish, "MyCC Classroom" dengan Universiti Malaya dan Universiti Monash, *4th Annual Legal Asia 2020: The Paradigm Shift*, Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam untuk Unit Integriti, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sesi Taklimat kepada Suruhanjaya Tenaga Mengenai Akta Persaingan 2010 dan lain-lain lagi. Program advokasi ini telah terbukti berkesan kerana MyCC telah menerima 159 aduan yang mencerminkan kesedaran orang ramai tentang kewujudan Akta Persaingan di Malaysia. Daripada semua aduan yang dikemukakan ini, MyCC juga telah menyelesaikan 95 kes, sekali gus menampilkan kepakaran dan kecekapan MyCC sebagai pengawal selia persaingan di Malaysia.

Di samping itu, MyCC telah berjaya mengeluarkan dua Keputusan Cadangan terhadap 7 Pengusaha Operator Gudang di Pelabuhan Klang dan Pengendali Ro-Ro Langkawi dan satu Keputusan Akhir terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan. Ini menandakan satu peristiwa penting dalam pencapaian kami, dan kami akan mempertahankan iltizam dan usaha kami demi memastikan peranan MyCC sebagai pihak berkuasa persaingan terkemuka di Malaysia.

Tatkala kami berazam untuk menempuh masa hadapan yang mendatang, MyCC sentiasa berusaha untuk meningkatkan peranannya sebagai pihak berkuasa persaingan di

Malaysia dan akan kekal relevan untuk menyampaikan visi dan misinya. Saya percaya bahawa MyCC akan terus mempertingkatkan keupayaannya untuk menjadi salah satu agensi penguatkuasaan terbaik negara. Justeru, MyCC telah berikrar untuk meneruskan trajektori peningkatannya, untuk terus memajukan dan menyelaraskan langkah pro-persaingan ketika Malaysia bergerak ke hadapan dengan aspirasi ekonomi digitalnya. Seterusnya, MyCC akan berusaha ke arah memperkasakan lagi pasaran demi kepentingan pengguna, perniagaan dan kemajuan ekonomi negara secara keseluruhan.

Bagi pihak MyCC, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana sentiasa menyokong MyCC terutamanya Menteri YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi atas kepimpinan beliau yang berkarisma dan berwawasan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota-Anggota Suruhanjaya atas usaha berterusan mereka dalam membimbing MyCC. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga kerja MyCC, pasukan pengurusan dan kakitangan, atas kerja keras dan dedikasi mereka dalam memberikan komitmen untuk menyelesaikan setiap tugas.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

04



MAKLUMAT KORPORAT 07

- i. Pengenalan
- ii. Visi dan Misi
- iii. Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya
- iv. Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas Persaingan
- v. Bidang Kuasa bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712)
 - ▶ Larangan Utama Di Bawah Akta 712
- vi. Carta Organisasi
 - ▶ Fungsi Setiap Bahagian
- vii. Anggota-anggota Suruhanjaya



Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.myclcc.gov.my

PENGENALAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia, yang dikenali sebagai MyCC merupakan badan penguatkuasa yang diberi mandat untuk menguatkuasa dan melindungi proses persaingan di Malaysia. MyCC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan [Akta 713] dengan mandat untuk melaksanakan dan menguatkuasakan **Akta Persaingan 2010 (Akta 712)**. Akta Persaingan 2010 telah digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan dengan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang berdaya saing. MyCC berperanan untuk memperkasakan pasaran demi kepentingan pengguna, perniagaan dan kemajuan ekonomi negara ini secara keseluruhan. Akhir sekali, matlamatnya ialah untuk memastikan harga yang lebih kompetitif, produk yang lebih berkualiti dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna bagi melindungi hak dan kepentingan mereka.



VISI

Menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di Malaysia.



MISI

Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif bagi menyediakan pasaran yang baik untuk pengguna, peniaga dan ekonomi.



FUNGSI DAN KUASA MyCC

Di Bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713)



FUNGSI (SEKSYEN 16)

- ▶ Menasihati Menteri, pihak Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam bagi semua perkara yang berkaitan dengan persaingan.
- ▶ Menguatkuaskan perundangan persaingan melalui penyiasatan, kajian pasaran dan mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan.
- ▶ Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya.



KUASA (SEKSYEN 17)

- ▶ Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan.
- ▶ Mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MyCC.
- ▶ Mengendalikan program bagi melaksanakan fungsi MyCC.
- ▶ Bekerjasama dengan mana-mana organisasi lain atau agensi Kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi MyCC.
- ▶ Meminta dan mengumpul maklumat daripada perusahaan bagi membantu melaksanakan fungsi MyCC.

JAWATANKUASA KERJA

Jawatankuasa Audit dan Risiko



Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit dan Risiko ialah untuk memeriksa semua rekod, dokumen dan laporan yang berkaitan dengan isu kewangan dan bukan kewangan; untuk menasihati Anggota-anggota Suruhanjaya tentang prestasi aktiviti yang tertakluk kepada pemeriksaan audit; untuk memastikan prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dari perspektif strategik dan operasi; dan memastikan pematuhan terhadap prosedur dan proses yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

Jawatankuasa Penyiasatan dan Penguatkuasaan



Jawatankuasa Penyiasatan dan Penguatkuasaan bertanggungjawab memastikan semua penyiasatan yang dilakukan oleh Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan dijalankan mengikut Tatacara Operasi Standard (SOP) dan amalan terbaik untuk memastikan larangan-larangan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan dengan efektif dan efisien oleh Suruhanjaya.

Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi



Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi ditubuhkan untuk memastikan semua sektor yang perlu mengetahui tentang undang-undang persaingan diliputi dalam pelan advokasi dan komunikasi, memastikan mesej yang disampaikan konsisten dan memastikan publisiti berterusan untuk Suruhanjaya.

Jawatankuasa Ekonomi



Jawatankuasa Ekonomi ditubuhkan untuk memeriksa dan memberi arahan mengenai hal-hal berkaitan dengan analisis ekonomi, kajian pasaran dan khidmat nasihat tentang dasar berkaitan persaingan. Jawatankuasa Ekonomi memberikan nasihat dasar dan menilai justifikasi yang sesuai dari perspektif ekonomi; memberikan panduan, nasihat dan ulasan mengenai penilaian ekonomi, analisis dan isu untuk kes-kes penyiasatan dan pengecualian; serta menyediakan cadangan dan pelan tindakan yang dicadangkan untuk kajian pasaran.

Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran



Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran ditubuhkan untuk merumuskan prinsip dan garis panduan yang mentadbir hal ehwal kewangan, pentadbiran dan sumber manusia, termasuk kawalan pengurusan kewangan, prosedur perakaunan, proses perolehan, pentadbiran am dan pengurusan sumber manusia untuk Suruhanjaya.

Jawatankuasa Undang-undang dan Penggubalan



Jawatankuasa Undang-undang dan Penggubalan ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan nasihat undang-undang dan menggubal peruntukan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713], dan juga perundangan subsidiari termasuk garis panduan.

Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan



Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan ditubuhkan untuk merumuskan prinsip dan garis panduan bagi mentadbir hal-hal berkaitan sumber manusia, dengan tumpuan diberikan kepada pemilihan dan pelantikan secara tetap, kontrak, pembantu penyelidik dan pekerja sambilan harian untuk Suruhanjaya.

JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN

MyCC mempunyai sokongan rangkaian yang kukuh bagi tugas dan aktiviti persaingannya. Rangkaian ini telah dipupuk melalui peranannya sebagai pengurus bagi Jawatankuasa Khas Persaingan. Jawatankuasa Khas Persaingan merupakan sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan sejak tahun 2012. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai pengawal selia sektor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat setiap tahun untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan persaingan dalam pasaran yang melibatkan pelbagai sektor termasuk telekomunikasi, pengangkutan darat dan awam, kewangan, bekalan tenaga elektrik dan air, penerbangan dan harta intelek.

Ahli Jawatankuasa



Fungsi

- i. Memastikan, sekiranya mungkin, pengharmonian prinsip persaingan, tafsiran dan pemakaian undang-undang persaingan
- ii. Memastikan, sekiranya mungkin, pengharmonian prinsip persaingan, tafsiran dan penerimaan pakai undang-undang persaingan
- iii. Menjalankan penyelidikan bersama dan membuat cadangan mengenai pembangunan dasar dan undang-undang persaingan termasuk membuat semakan semula bersama-sama rakan pengawal selia terhadap dasar persaingan dan rangka kerja undang-undang yang berkaitan dengan sektor yang berkenaan
- iv. Menyediakan sokongan teknikal yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor yang berkenaan
- v. Memberi sokongan yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor masing-masing dalam forum kebangsaan dan antarabangsa mengenai persaingan
- vi. Menyediakan sokongan teknikal yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor yang berkenaan
- vii. Menjalankan program advokasi bersama dalam mempromosikan dasar persaingan dan undang-undang di Malaysia
- viii. Apa-apa fungsi lain yang diperlukan untuk mempromosikan dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia.

BIDANG KUASA DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712]

Akta 712 meliputi semua aktiviti komersial yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam mana-mana pasaran di Malaysia.

Aktiviti yang dikecualikan daripada skop Akta 712 adalah:



Akta 712 tidak terpakai kepada aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah:



LARANGAN UTAMA DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712]



PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN (Seksyen 4)

Akta ini melarang apa-apa perjanjian, sama ada dalam bentuk bertulis atau sebaliknya antara perusahaan yang mempunyai matlamat perjanjian, atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Perjanjian antipersaingan, yang boleh berlaku secara terbuka atau rahsia (contohnya kartel), wujud apabila perusahaan secara kolektif bersetuju untuk tidak bersaing atau bekerjasama antara satu sama lain untuk mengurangkan persaingan dan mengganggu kuasa pasaran.

Perjanjian mendatar berikut adalah dalam setiap keadaan dianggap mempunyai objek mengurangkan persaingan dengan ketara dan oleh itu dilarang:

- i. Penetapan Harga
- ii. Tipuan Bida
- iii. Perkongsian Pasaran
- iv. Membatas atau Mengawal Pengeluaran
- v. Penyelarasian Harga Jualan Semula
- vi. Perjanjian Eksklusif



PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN (Seksyen 10)

Perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran melebihi 60% dianggap mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran tersebut.

Perusahaan yang berkedudukan dominan dalam suatu pasaran tidak dianggap melanggar undang-undang persaingan melainkan jika perusahaan tersebut menyalahgunakan kedudukan dominannya sehingga menyekat persaingan daripada perusahaan lain dalam pasaran yang sama yang dapat menjasakan kepentingan pengguna.

Contoh Penyalahgunaan Kedudukan Dominan:

- i. Mengenakan Harga atau Syarat yang Tidak Adil
- ii. Berkelakuan seperti Pemangsa
- iii. Keengganan untuk Membekal
- iv. Penjualan Terikat dan Terberkas
- v. Pembelian Barang atau Sumber Yang Terhad
- vi. Mengenakan Syarat Yang Berbeza

Penalti
kewangan
maksimum

10%



PENALTI KEWANGAN

Jika MyCC mendapati bahawa terdapat suatu pelanggaran terhadap larangan pada Akta 712, sesuatu perusahaan itu boleh dikenakan penalti kewangan sehingga **maksimum 10%** daripada perolehannya di seluruh dunia serta diarahkan untuk mematuhi mana-mana arahan lain yang dianggap wajar oleh MyCC untuk menghentikan pelanggaran tersebut.

Rejim Kelonggaran (Seksyen 41)

Rejim kelonggaran yang terkandung di bawah Seksyen 41 hanya diberikan untuk perusahaan yang mengakui pelanggaran berhubung dengan perjanjian mendatar seperti yang digariskan dalam Seksyen 4 (2) Akta 712.


Seksyen 41 menghendaki pemohon bukan sahaja mengakui tetapi juga memberikan kerjasama dan bantuan yang signifikan kepada Suruhanjaya. Sebaik sahaja kedua-dua syarat dipenuhi dan Suruhanjaya telah berpuas hati, perusahaan akan diberikan sehingga 100 peratus pengurangan penalti kewangan. Biasanya, perusahaan pertama yang memohon akan diberi pengurangan denda tertinggi.

PROSEDUR PENGUATKUASAAN


MyCC sebagai Badan Quasi-Kehakiman

► MyCC menjalankan siasatan ► MyCC mengeluarkan keputusan ► MyCC menguatkuasakan keputusan

GAMBARAN KESELURUHAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN



CARTA ORGANISASI



FUNGSI SETIAP BAHAGIAN



BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan memainkan peranan untuk membantu Suruhanjaya dalam menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. Bahagian ini terlebih dahulu menjalankan saringan dan penilaian ke atas semua aduan, Arahan Menteri dan juga maklumat yang diperoleh atas inisiatifnya sendiri (ex-officio). Semua penilaian yang dilakukan kemudiannya dilaporkan kepada Suruhanjaya sebelum ia ditutup atau dipanjangkan ke peringkat siasatan. Fungsi utama bahagian ini ialah untuk menjalankan siasatan dengan mengumpulkan semua bukti yang relevan yang diperoleh melalui risikan pasaran dan penyelidikan, pencarian dan penyitaan (serbuan) dan mengambil kenyataan saksi.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan ialah bahagian yang bertanggungjawab terhadap proses mentadbir dan menyelaras sumber dengan berkesan dan cekap dalam usaha mencapai matlamat organisasi. Fungsi bahagian ini ialah untuk memastikan operasi pentadbiran yang sistematis dalam pengurusan pembentukan, perolehan, penyelenggaraan, latihan kakitangan, kesetiausahaan dan keselamatan seperti yang diperlukan untuk mematuhi keperluan MyCC.



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

Bahagian Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa ialah bahagian di bawah MyCC yang mengandungi empat (4) unit iaitu unit dasar, unit sekretariat, unit perancangan strategik dan unit hal ehwal antarabangsa. Unit dasar ditugaskan untuk menyediakan, mengkaji dan membincangkan perkara-perkara dasar di Malaysia, memberi tumpuan terutamanya kepada dasar, peraturan dan undang-undang lain yang berkaitan dengan persaingan. Unit sekretariat ditugaskan untuk menganjurkan mesyuarat Suruhanjaya, mesyuarat Jawatankuasa, dan semua perkara yang berkaitan dengan mesyuarat dalaman MyCC.

Unit perancangan strategik ditugaskan untuk menggariskan matlamat dan sasaran jangka pendek dan jangka panjang MyCC yang merangkumi semua bahagian dalam MyCC. Penilaian tahunan pada pertengahan dan akhir tahun akan diadakan untuk membincangkan semua sasaran yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya secara terperinci, dengan kebebasan untuk mengubah suai, menambah, membuang, mengkaji semula atau mengekalkan matlamat. Unit hal ehwal antarabangsa ditugaskan untuk menyelaras kerjasama bersama organisasi antarabangsa serta agensi persaingan lain mengenai penglibatan dalam komunikasi antarabangsa, mesyuarat, program, perkongsian maklumat, lawatan belajar, pinjaman dan penempatan kakitangan, pengumpulan input serta mentadbir rundingan antarabangsa dan perjanjian antarabangsa.



BAHAGIAN UNDANG – UNDANG

Tugas utama Bahagian Undang-undang ialah memberikan nasihat mengenai penggunaan undang-undang persaingan, secara dalaman dan luaran. Pasukan ini menjalankan penyelidikan serta berhubung dengan perunding, agensi kerajaan lain, Jabatan Peguam Negara (AGC), kementerian terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP); serta syarikat awam dan swasta untuk mengemukakan pendapat undang-undang mengenai hal undang-undang persaingan. Salah satu tugas utama bahagian undang-undang ialah mengenai pindaan undang-undang persaingan termasuk rejim penggabungan. Bahagian Undang-undang juga ditugaskan untuk merangka dan mengkaji semula perjanjian, Memorandum Persefahaman (MoU), serta memantau kewajipan undang-undang MyCC. Di samping itu, bahagian ini bertanggungjawab membantu dan menyelia kerja-kerja yang dilakukan oleh peguam luar yang mewakili MyCC dalam prosiding mahkamah.



BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN ADVOKASI

Fungsi Bahagian Komunikasi dan Advokasi dilaksanakan oleh dua (2) unit: Unit Advokasi dan Komunikasi. Advokasi diliputi di bawah Seksyen 16 [Akta 713], yang memberi tumpuan kepada program awam dan swasta yang dianjurkan oleh MyCC. Program-program yang ditawarkan dan dipromosikan oleh MyCC adalah untuk menjana kesedaran orang ramai mengenai MyCC dan hal-hal penguatkuasaan. Objektif utama komunikasi ialah untuk memberi tumpuan kepada aspek media organisasi; termasuk media sosial, laman sesawang, komunikasi luaran awam, pemantauan media dan atas sokongan MyCC dalam mempromosikan program sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Selain itu, jabatan ini sentiasa mengemas kini melalui saluran komunikasi luar kepada orang awam mengenai pencapaian MyCC berkenaan dengan advokasi dan penguatkuasaan.



BAHAGIAN PERNIAGAAN DAN EKONOMI

Bahagian Perniagaan dan Ekonomi melibatkan tiga (3) skop di bawah Akta Persaingan 2010, iaitu: (1) Pengecualian [Seksyen 5-9], (2) Kajian Semula Pasaran [Seksyen 11 & 12] dan (3) Pengiraan Penalty Kewangan [Seksyen 40]. Pada dasarnya, bahagian ini menjalankan kajian pasaran yang berkaitan dengan amalan antipersaingan semasa; dengan penambahan dari segi memberi nasihat ekonomi kepada Suruhanjaya semasa mesyuarat atau rundingan tertentu. Bahagian ini menjalankan analisis dan penilaian ekonomi ke atas sektor-sektor yang tertentu di bawah kajian dan penyiasatan masing-masing; disertai dengan kajian semula pasaran dan kajian tahap persaingan dalam sektor tertentu. Bahagian ini melihat dan mengkaji isu-isu ekonomi semasa yang berkaitan dengan amalan antipersaingan.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA





ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

Anggota-anggota Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, lima anggota mewakili Kerajaan dan empat anggota mewakili sektor swasta. Perdana Menteri atas syor Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melantik Pengerusi dan anggota Suruhanjaya. Setiap anggota berkhidmat untuk tempoh tiga tahun tertakluk kepada maksimum dua penggal berturut-turut. Anggota-anggota Suruhanjaya mewakili pelbagai bidang yang mencakupi perundangan, ekonomi, kewangan, perdagangan dan kepentingan pengguna. Sementara itu, kerja dan aktiviti pentadbiran serta pengurusan MyCC diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan disokong oleh pasukan pengurusan kanan.

01



DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS (PENGERUSI)

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus ialah graduan undang-undang dari University of London yang pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Peguam Kanan Persekutuan dan Presiden Mahkamah Sesyen. Dengan 45 tahun pengalaman dalam bidang perundangan, beliau juga telah memperoleh pensijilan Timbangtara Komersial Antarabangsa (International Commercial Arbitration) daripada Chartered Institute of Arbitrators, United Kingdom. Sepanjang perkhidmatannya di Mahkamah Tinggi, beliau telah memutuskan lebih daripada 750 penghakiman yang telah dilaporkan di dalam jurnal undang-undang.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Perusahaan Utama dan sebagai jurucakap mewakili negara-negara pengeluar getah di Rundingan Perjanjian Getah Asli di Switzerland. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Perwakilan Institut Hak Asasi Manusia Persatuan Peguam Antarabangsa (International Bar Association's Human Right Institute) ke Afrika Selatan sebelum menjadi Penimbang tara di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

02



DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH

Dato' Jagjit ialah rakan kongsi pengasas firma guaman, Jagjit Ariff & Co. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang dengan Merit (Undang-Undang Komersial dan Korporat-Harta Intelek) dari King's College, University of London. Kepakaran beliau adalah dalam bidang undang-undang dan aspek praktikal serta prosedur mengenai harta intelek. Beliau merupakan mantan Hakim dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai jawatan, termasuk Peguam Kanan Persekutuan, Timbalan Perbendaharaan Peguamcara, Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Kanan Penggubal Parlimen.

Beliau juga merupakan ahli Pasukan Petugas Khas Hak Cipta, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dari tahun 1999 hingga 2001, Panel Pakar bagi Jawatankuasa Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Negara dari tahun 2001 hingga 2003 dan penasihat undang-undang kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat bagi Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Beliau ialah pengarang bagi buku bertajuk 'The Practical Approach to the Enforcement of Intellectual Property Rights' dan pengarang bersama bagi 'Civil Trials Guidebook'.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

03



DATUK TAY LEE LY

Datuk Tay Lee Ly memperoleh ijazah LLB (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada tahun 1988 dan Sarjana dalam Pengajian Undang-Undang Antarabangsa daripada Universiti Nottingham, Malaysia pada tahun 2010. Beliau kini merupakan Ketua Bahagian Penyelidikan di Jabatan Peguam Negara Malaysia (AGC). Sebelum berkhidmat di AGC, beliau ialah Penasihat Undang-Undang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak Disember 2013. Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selama 30 tahun. Sebagai Penasihat Undang-Undang KPDNHEP, beliau juga merupakan Ketua Bahagian Undang-Undang KPDNHEP dan terlibat dalam penggubalan beberapa perundangan yang dikawal selia oleh KPDNHEP. Antara undang-undang itu ialah Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Akta Skim Faedah 2016 [Akta 778], Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2015, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014, Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan (Pindaan) 2017, Akta

Suruhanjaya Koperasi (Pindaan) 2014, Akta Suruhanjaya Syarikat (Pindaan) 2014, Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017, Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2017, Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019, Akta Cap Dagangan 2019 dan 2019, Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 dan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019.

Sebelum berkhidmat di KPDNHEP, Datuk Tay telah memegang pelbagai jawatan, seperti Pengurus Mahkamah Perusahaan Malaysia di Kuala Lumpur, Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Majistret di Mahkamah Petaling Jaya, Timbalan Pendakwa Raya, Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen dan Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

04



TUAN MOHD HASSAN B. AHMAD

Tuan Mohd Hassan Ahmad ialah Timbalan Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada University of Sydney, Australia. Beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan memulakan kerjayanya di Kementerian Kewangan sejak 2000 sehingga kini. Beliau telah memegang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatannya.

05



DR. NASARUDIN
BIN ABDUL RAHMAN

Dr. Nasarudin Abdul Rahman dilantik sebagai anggota Suruhanjaya pada 1 Oktober 2017. Beliau ialah penolong profesor di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) pada tahun 2002 dan Sarjana Undang-Undang Perbandingan pada tahun 2008 daripada UIAM. Beliau menerima PhD daripada Macquarie University of Sydney, Australia dalam bidang dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia.

Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk Undang-undang Persaingan di Malaysia (diterbitkan oleh Thomson Reuters) serta artikel-artikel lain yang diterbitkan mengenai undang-undang dan dasar persaingan Malaysia. Sebelum berkhidmat di UIAM, Dr. Nasarudin telah didaftaraikan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Pada masa ini, Dr. Nasarudin mengajar undang-undang syarikat untuk ijazah sarjana muda, dan bidang yang diminatinya juga termasuk dasar dan undang-undang persaingan, hubungan perindustrian dan perbankan Islam.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

06



**DATO' IR. HJ. MOHD JAMAL
BIN SULAIMAN**

Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal Sulaiman memiliki kelayakan dalam bidang kejuruteraan awam daripada University of Salford, United Kingdom. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Awam pada bulan Julai 1981 dan ditempatkan di Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) di Negeri Pahang. Sepanjang 36 tahun berkhidmat, beliau telah berkhidmat dan memegang pelbagai jawatan termasuk di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Bekalan Air Daerah Hulu Selangor, JKR Negeri Selangor.

Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Dasar dan Pengurusan Korporat dari tahun 2014 hingga Januari 2017, dan sebelum bersara pada tahun itu, beliau dilantik sebagai Pengarah Kanan Kerja Raya (Sektor Bangunan) di JKR. Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali serta Anugerah Pencapaian Khas JKR 2010 sepanjang tempoh kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam.

07



**DATO' ISKANDAR HALIM
BIN HJ. SULAIMAN**

Dato' Hj. Iskandar Halim bin Hj. Sulaiman menerima Ijazah Sarjana Muda Sosiologi dari Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau berkhidmat sebagai Inspektor Penguatkuasaan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MITI) pada tahun 1981 dan mempunyai pengalaman selama 38 tahun dalam bidang penguatkuasaan.

Dato' Hj. Iskandar Halim bin Hj. Sulaiman berkhidmat sebagai Pengarah Penguatkuasaan di Cawangan Perlis dan Sarawak, sebelum berpindah semula ke Ibu Pejabat pada tahun 2005 untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Pengarah Unit Perlindungan Harta Intelek. Padatahun 2017, Dato' Iskandar dilantik sebagai Timbalan Pengarah Penguatkuasaan (Cawangan Operasi Khas) sebelum dilantik sebagai Pengarah Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Sepanjang perkhidmatannya, Dato' Iskandar telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak tiga kali.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

08



DR. NOR MAZNY
BINTI ABDUL MAJID

Dr Nor Mazny telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sejak tahun 1995 selama hampir 25 tahun, ditugaskan dan bertanggungjawab dalam pelbagai jawatan. Pada tahun 1994, Dr. Nor Mazny menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan seterusnya memperoleh Sarjana Undang-Undang Teknologi Maklumat daripada University of Strathclyde, United Kingdom, pada tahun 2002. Selepas itu, beliau memperoleh PhD daripada Victoria University, Australia, pada tahun 2012.

Dr. Nor Mazny memulakan kerjayanya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Usahawan, sebelum

berpindah ke Kementerian Kewangan. Beliau kemudian ditugaskan ke Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan dari tahun 2010 hingga 2011. Beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 2015, selepas menjadi Pengarah di bahagian yang sama dari tahun 2011. Beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian, Seksyen Hal Ehwal Jemaah Menteri, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, selepas menjadi Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri.

ANGGOTA - ANGGOTA SURUHANJAYA

09



DATO DR. MADELINE BERMA

Dato Dr. Madeline memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1982; dan kemudiannya menamatkan Sarjana Sastera di Universiti of Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat, pada tahun 1986. Kemudian, beliau menerima PhD dari Universiti of Hull, England, pada tahun 1997. Dato Dr. Madeline diberi penghargaan yang tinggi atas pengalaman akademiknya selama 35 tahun, dan dalam tempoh tersebut memegang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan UKM.

Kini, Dato Dr. Madeline ialah Ahli Pesuruhjaya di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan merupakan seorang perunding di bawah NuMind Plus Training and Consultancy. Sejarah penerbitan dan penyelidikan beliau ditumpukan dalam bidang ekonomi pembangunan, yang merangkumi bidang kemiskinan, ketidaksamaan, pembangunan luar bandar, pembangunan wanita dan komuniti yang terpinggir. Beliau telah dianugerahkan dengan tiga (3) pengiktirafan peringkat tinggi, iaitu Pingat Ahli Bintang Kenyalang (ABK), anugerah khas Pendidikan Wanita Sarawak, dan Tokoh Wanita Sempena Hari Pekerja (CUEPACS).

10



TUAN ANIL ABRAHAM

Tuan Anil Abraham kini merupakan Ketua Jabatan Undang-undang Kumpulan di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Sebelum berkhidmat di MRCB, beliau bekerja untuk Usaha Tegas dan MEASAT. Beliau merupakan seorang peguam cara bertauliah di England, dan pengamal Undang-undang Korporat di dua firma guaman antarabangsa di London.

Tuan Anil memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Undang-undang daripada King's College London; dan menamatkan pengajian Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan di École Supérieure des Sciences Economiques et Commerciales (ESSEC).

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



ISKANDAR BIN ISMAIL

Iskandar Ismail dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MyCC pada 15 Oktober 2018 selepas berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan selama lebih 5 tahun. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1997 dan Sarjana Undang-Undang dan Perbandingan daripada Sekolah Undang-Undang Universiti George Washington, Washington DC. Beliau telah diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaysia dan telah berkhidmat di Bank Negara Malaysia sebagai Pegawai Pendakwa selama 7 tahun. Sebelum menyertai MyCC, beliau merupakan Pendakwaraya untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk Rwanda di Tanzania selama 8 tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Iskandar telah mengetuai dan menyelia siasatan ke atas kes-

kes penting MyCC seperti Malaysian Airline Systems Bhd dan AirAsia Berhad, Pengendali Depoh Kontena di Pulau Pinang, MyEG Services Bhd, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya, Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. dan beberapa lagi. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau turut menyelia kes melibatkan Grab dan kes tipuan bida pertama di Malaysia yang melibatkan 8 syarikat teknologi maklumat (IT). Beliau juga mengetuai Kajian Semula Pasaran untuk Sektor Makanan dan Kajian Semula untuk Pasaran Sektor Perkhidmatan (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih) yang mendapat perhatian luas dan impak positif daripada pelbagai pihak. Beliau juga sering dijemput untuk menjadi penceramah di beberapa persidangan, forum dan seminar di dalam dan luar negara memandangkan pengalaman dan pengetahuan praktikal beliau yang luas dalam penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan. Iskandar juga dilantik sebagai Pengerusi ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) mewakili Malaysia pada tahun 2019.

MESYUARAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA 2020

Mesyuarat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MCCM) 2020 - Pengurusan

Bil	Anggota Suruhanjaya	MCCM No. 1/2020	MCCM No. 2/2020	MCCM No. 3/2020	MCCM No. 4/2020	MCCM No. 5/2020	MCCM No. 6/2020	MCCM No. 7/2020	Jumlah
	Tarikh	24 Jan	24 Feb	28 Apr	28 Jul	14 Sept	11 Nov	15 Dis	
1.	Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
2.	Dato' Jagjit Singh a/l Bant Singh	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
3.	Datuk Tay Lee Ly	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
4.	Tuan Mohd Hassan bin Ahmad	✓	X	✓	✓	✓			4/5
5.	Dr. Nasarudin bin Abdul Rahman	✓	X	✓	✓	✓		✓	5/6
6.	Dato' Ir. Haji Mohd Jamal bin Sulaiman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
7.	Dato' Iskandar Halim bin Hj. Sulaiman	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	5/7
8.	Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
9.	Dato' Dr. Madeline Berma	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
10.	Tuan Anil Abraham				✓	✓	✓	✓	4/4
Jumlah		8/9	6/9	9/9	9/10	10/10	8/8	9/9	

Mesyuarat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MCCM) 2020 - Kes

Bil	Anggota Suruhanjaya	MCCM No. 1/2020	MCCM No. 2/2020	MCCM No. 3/2020	MCCM No. 4/2020	MCCM No. 5/2020	MCCM No. 6/2020	MCCM No. 7/2020	Jumlah
	Tarikh	24 Jan	24 Feb	28 Apr	27 Jul	14 Sept	11 Nov	15 Dis	
1.	Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
2.	Dato' Jagjit Singh a/l Bant Singh	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
3.	Datuk Tay Lee Ly	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
4.	Tuan Mohd Hassan bin Ahmad	✓	X	✓	✓	X			3/5
5.	Dr. Nasarudin bin Abdul Rahman	✓	✓	✓	✓	✓		✓	6/6
6.	Dato' Ir. Haji Mohd Jamal bin Sulaiman	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
7.	Dato' Iskandar Halim bin Hj. Sulaiman	✓	✓	✓	X	✓	X	X	4/7
8.	Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
9.	Dato' Dr. Madeline Berma	X	X	✓	✓	✓	✓	X	4/7
10.	Tuan Anil Abraham				✓	X	✓	✓	3/4
Jumlah		8/9	7/9	9/9	9/10	8/10	7/8	7/9	

05



PERISTIWA PENTING 27





Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.myclic.gov.my

PERISTIWA PENTING 2010-2020

APRIL Dasar dan Rang undang-undang baharu diluluskan	1 APRIL Pembentukan MyCC dan permulaan operasi	JANUARI Akta 712 mula berkuatkuasa	JANUARI Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di Menara SSM@Sentral	MAC Kajian Semula Pasaran mengenai daging ayam tempatan diterbitkan	JANUARI Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap 24 Pengeluar-pengeluar Ais kerana penetapan harga
JUN Akta 712 dan Akta 713 diwartakan		MEI Garis panduan mengenai Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Larangan (Perjanjian Antipersaingan) diterbitkan	JULAI Kajian Semula Pasaran mengenai Penetapan Harga oleh Badan Profesional di Malaysia diterbitkan	MAC Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Malaysia Airlines, AirAsia dan AirAsia X kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan	FEBRUARI Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap 15 anggota Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu kerana penetapan harga
		JULAI 'Buku Panduan Untuk Masyarakat Awam' dan Garis panduan mengenai larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) diterbitkan	JULAI Kajian Garis Dasar mengenai kesedaran Akta Persaingan 2010 dilaksanakan	JUN 'Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam' dan 'Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida' diterbitkan	
		DISEMBER Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Cameron Highlands Floriculturist Association (CHFA) kerana penetapan harga	SEPTEMBER Akta Persaingan 2010: Panduan untuk 'Perniagaan' dan 'Garis Panduan Pematuhan' diterbitkan	2014	
				OKTOBER Garis Panduan mengenai Penalti Kewangan dan Rejim Kelonggaran diterbitkan	
			2013		
		DISEMBER Program Geran Penyelidikan (RGP) MyCC dilancarkan	SEPTEMBER Persidangan Undang-undang Persaingan yang pertama di Malaysia telah dianjurkan oleh MyCC		
				2012	
				2011	
				2010	

2020	
2019	
2018	
• JUN Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap lima (5) Penggendali Depoh Kontena kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan	• MAC Persidangan Persaingan Malaysia 2017 “Competition Law: Breaking Norms, Managing Change”, telah dianjurkan oleh MyCC
• JUN Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap My E.G. Services Berhad kerana penyalahgunaan kedudukan dominan	• DISEMBER Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Farmaseutikal dan Bahan Binaan dalam Industri Pembinaan diterbitkan
• 2016	• OKTOBER Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap tujuh (7) Pusat Tuisyen dan Penjagaan Harian kerana penetapan harga
• 2017	• OKTOBER Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap lapan (8) Perusahaan melibatkan Perolehan Perkhidmatan IT kerana tipuan bida
• 2018	• OGOS Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Makanan diterbitkan
• 2019	• OKTOBER Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap Pengendali Ro-Ro Langkawi kerana penetapan harga
• 2020	• JANUARI Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap tujuh (7) Pengusaha Operator Gudang kerana penetapan harga
• OGOS Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Perkhidmatan (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih)	• SEPTMBER Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan

06



ULASAN TAHUN 2020 31

- i. Aktiviti-aktiviti Penguatkuasaan
- ii. Nasihat Dasar
- iii. Kajian Semula Pasaran
- iv. Program Advokasi
- v. Program Antarabangsa
 - ▶ Program Pembinaan Kapasiti
 - ▶ Mesyuarat
- vi. Lawatan Kerja
- vii. Komunikasi dan Perhubungan Awam
 - ▶ MyCC dalam Berita



2020

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.myclcc.gov.my

AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2020, MyCC telah menjalankan beberapa penyiasatan dan penguatkuasaan terhadap beberapa perusahaan berikutan pelanggaran Akta 712.



KEPUTUSAN CADANGAN [Seksyen 36]

i. Pengendali Ro-Ro Langkawi

Pada 14 September 2020, MyCC mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap tiga pengendali Ro-Ro dan dua syarikat induk atas dakwaan pelanggaran larangan Seksyen 4 di bawah Akta 712 berhubung penetapan tambang pengangkutan kenderaan melalui kapal Ro-Ro di Langkawi menurut Seksyen 36 Akta 712. Penalti yang dicadangkan berjumlah RM 4,850,661.07.

ii. Tujuh (7) Pengusaha Operator Gudang di Pelabuhan Klang

Pada 9 Januari 2020, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap 7 Pengusaha Operator Gudang berhubung dengan penetapan surc妖 ke atas lif pengangkut panjang dan berat dalam penyediaan perkhidmatan kargo gudang di Pelabuhan Klang menurut Seksyen 36 Akta 712. Penalti yang dicadangkan berjumlah RM1,102,791.19.



DAPATAN PELANGGARAN [Seksyen 40]

i. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya

Pada 14 September 2020, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Akhir terhadap PIAM dan 22 ahlinya ("Pihak") menurut Seksyen 40 Akta 712. MyCC mendapati bahawa Pihak tersebut telah melanggar larangan Seksyen 4 dengan mengambil bahagian dalam perjanjian yang mempunyai, sebagai objeknya; menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan berhubung dengan pasaran perdagangan alat ganti kenderaan dan upah kerja untuk bengkel Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM dari 1.1.2012 hingga 17.2.2017. Penalti kewangan berjumlah RM173,655,300 telah dikenakan ke atas 22 syarikat insurans tersebut. Namun begitu, MyCC berpandangan bahawa pandemik COVID-19 merupakan cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini dengan kesan sosio-ekonomi yang teruk yang mungkin menjelaskan kemampunan perniagaan. Oleh itu, dengan mengambil kira kesan keadaan ekonomi yang timbul akibat penularan global pandemik COVID-19, MyCC memberikan pengurangan sebanyak 25% daripada penalti kewangan yang dikenakan ke atas Pihak yang melakukan pelanggaran.

RINGKASAN STATISTIK 2020



PENYIASATAN

15




PENILAIAN

117

	AKTIF	TUTUP
Aduan	159	95
Ex-Officio	1	TIADA
Arahan Menteri	TIADA	TIADA

JUMLAH STATISTIK 2012-2020



Aduan

Jumlah Terima	Jumlah Tutup
807	609

Ex-Officio

Jumlah Terima	Jumlah Tutup
49	44

Arahan Menteri

Jumlah Terima	Jumlah Tutup
15	11

NASIHAT DASAR

Tugas-tugas nasihat yang dijalankan oleh MyCC adalah dalam bentuk nasihat dasar, pendapat undang-undang dan nasihat, serta nasihat ekonomi.

Pada tahun 2020, MyCC telah mengeluarkan sejumlah enam (6) nasihat dasar berkaitan isu-isu persaingan kepada kementerian dan agensi Kerajaan di Malaysia.

MyCC telah memberikan cadangan dasar dan nasihat kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan berikut:

01

Lembaga
Kemajuan Ikan
Malaysia (LKIM)

02

Kementerian
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna (KPDNHEP)

03

Kementerian
Kewangan Malaysia
(MOF)

04

Kementerian
Perdagangan
Antarabangsa dan
Industri (MITI)

05

Kementerian Air,
Tanah dan Sumber
Asli (KETSA)

06

Lembaga Koko
Malaysia (LKM)

KAJIAN SEMULA PASARAN

KAJIAN SEMULA PASARAN BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN (BORONG DAN RUNCIT UNTUK PRODUK TERPILIH)



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah berjaya menyempurnakan Kajian Semula Pasaran bagi Sektor Perkhidmatan (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih) pada tahun 2020. Pada 19 Ogos 2020, kajian tersebut diterbitkan secara rasmi selepas dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Laporan kajian semula pasaran ini adalah untuk rujukan am dan boleh didapati dalam bentuk salinan fizikal dan juga digital yang boleh diakses melalui laman web MyCC.

Kuasa MyCC untuk menjalankan kajian semula pasaran adalah tertakluk kepada Seksyen 11 Akta Persaingan 2010 (AP 2010), yang mana MyCC atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan Menteri, diberi kuasa untuk menjalankan kajian terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada sebarang ciri atau gabungan ciri pasaran boleh menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Kajian ini memfokuskan kepada sektor Perdagangan Borong dan Runcit (WRT) di Malaysia dengan empat (4) kategori produk terpilih iaitu;



Makanan dan minuman yang (terproses)



Penjagaan diri dan kelengkapan peribadi



Produk pembersihan rumah



Pakaian

KAJIAN SEMULA PASARAN

Mengambil kira-kira 14 bulan dan cabaran disebabkan pandemik COVID-19, Kajian Semula Pasaran Sektor Perkhidmatan telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2019 sehingga Ogos 2020 dengan penglibatan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri dan persatuan pengguna, ahli akademik dan lain-lain.

Bagi memastikan tinjauan pasaran yang inklusif dan berimpak tinggi, satu sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) telah diadakan pada 8 Oktober 2019 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Seterusnya, sesi rundingan awam secara fizikal telah diadakan pada 27 Februari 2020 di Hotel Hilton, Kuching dan 3 Mac 2020 di Hotel Doubletree by Hilton, Kuala Lumpur. Di samping itu, sesi rundingan awam atas talian telah diadakan selama 3 minggu untuk memberi peluang kepada pihak berkepentingan dalam industri perdagangan borong dan runcit untuk memberikan pandangan dan input tambahan kepada MyCC dalam memastikan objektif yang dirangka dapat dicapai sepenuhnya.

Kajian semula pasaran ini telah mengkaji 12 kemungkinan isu persaingan dalam industri. Berdasarkan kajian industri dan temu bual bersama pemain industri, daripada 12 teori, lapan (8) kemungkinan isu persaingan dikenalpasti di Malaysia, termasuklah:

01	Kuasa pembeli hiliran pasar raya besar	05	Pengedaran eksklusif
02	Pembekal produk mempunyai kuasa pasaran	06	Penetapan harga
03	Jualan terikat	07	Lenturan harga
04	Pakatan oleh firma di beberapa peringkat rantai bekalan	08	Kerugian pemimpin

Dapatan kajian semula pasaran ini juga telah mengenal pasti tujuh (7) isu yang didorong oleh pasaran dan enam (6) isu pengawalseliaan. Secara ringkasnya, dapatan utama kajian ini adalah seperti berikut:

ISU DIDORONG OLEH PASARAN	ISU PENGAWELSEAN
Kos operasi yang tinggi	Semakan kerap gaji minimum berkanun
Margin belakang/terma dagangan	Isu logistik bagi produk yang dihantar dari Semenanjung ke Sabah/Sarawak
Percambahan E-Dagang	Pengenalan cukai digital
Kesukaran mencari pekerja tempatan	Kesedaran terhad mengenai Akta Persaingan 2010
Kos logistik yang tinggi di Sabah, Sarawak dan kawasan luar bandar	Kurang pemahaman terhadap Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam kalangan peruncit
Ketidakupayaan pembekal PKS tempatan untuk mematuhi keperluan	Keperluan laporan berkanun untuk pemain asing sahaja
Bekalan yang tidak konsisten daripada PKS	

KAJIAN SEMULA PASARAN

Sebagai sebahagian daripada dapatan kajian semula pasaran ini, MyCC telah mencadangkan beberapa cadangan untuk menambah baik lagi proses persaingan dalam empat (4) kategori produk terpilih bagi menyokong usaha Kerajaan dalam menangani kos sara hidup dan kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia. Laporan tersebut telah mencadangkan beberapa cadangan awal seperti berikut:

-
- 01** Memudahkan pembaharuan struktur untuk memastikan kecekapan dan daya tahan
 - 02** Memupuk persekitaran yang kompetitif ke arah amalan terbaik industri
 - 03** Mewujudkan dasar dan undang-undang yang progresif dengan impak positif jangka panjang
 - 04** Meningkatkan platform kerajaan industri yang menggalakkan persefahaman dan kerjasama
-

VVIP/VIP

BIL.	NAMA	JAWATAN	KEMENTERIAN
1.	YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi	Menteri	KPDNHEP
2.	YBhg. Datuk Rosol Wahid	Timbalan Menteri	KPDNHEP
3.	YBrs. Dr. Alauddin b. Sidal	Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri)	KPDNHEP

Objektif

Kajian semula pasaran ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:



KAJIAN SEMULA PASARAN

Pencapaian

Antara pencapaian program ini adalah seperti berikut:

01

MyCC mengadakan majlis pelancaran untuk menyebarkan hasil kajian semula pasaran ini yang dihadiri oleh 200 peserta mewakili agensi kerajaan, wakil kedutaan asing di Malaysia, ahli akademik dan peguam, pemain industri, persatuan industri dan pengguna, media dan orang awam

02

YB Menteri KPDNHEP telah membentangkan hasil kajian ini untuk perhatian ahli kabinet dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2020

03

MyCC juga telah membentangkan hasil kajian ini di peringkat jawatankuasa khas yang dikendalikan oleh KPDNHEP, mesyuarat bersama agensi kerajaan yang berkaitan dan seminar dari bulan Ogos 2020 sehingga kini



KAJIAN SEMULA PASARAN

04

Kajian semula pasaran ini telah dijadikan rujukan oleh 225 pihak seperti agensi kerajaan, universiti, pemain industri, pihak berkuasa persaingan luar negara, persatuan industri dan pengguna dan lain-lain sejak ia dilancarkan sehingga kini

05

MyCC menjalankan pelan advokasi untuk menyebarkan hasil kajian semula ini dengan pendekatan yang lebih bersasar melibatkan 27 pihak berkepentingan seperti Kementerian, jawatankuasa kerajaan, industri, persatuan dan badan pemikir selain 15 syarikat media dari bulan September hingga Disember 2020

06

Wakil-wakil dalam Jawatankuasa Panel Pakar yang dibentuk oleh MyCC untuk kajian semula ini telah mengambil maklum hasil kajian ini untuk penambahbaikan dasar berkaitan sektor perdagangan borong dan runcit pada masa hadapan

07

MyCC sentiasa komited untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing sektor perdagangan borong dan runcit dalam situasi pandemik COVID-19 dengan mencadangkan agar industri menerima pakai model perniagaan berasaskan e-dagang bagi menggantikan perniagaan fizikal di premis



PROGRAM ANTARABANGSA

Pada peringkat antarabangsa, MyCC juga terlibat secara aktif dalam persidangan, bengkel, mesyuarat dan pembinaan kapasiti di luar negara. Sebagai anggota *ASEAN Experts Group on Competition (AEGC)*, *International Competition Network (ICN)*, *Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)*, *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* dan lain-lain, MyCC sering menerima undangan untuk menyertai program di luar negara sama ada sebagai penceramah, peserta, ahli mesyuarat dan juga moderator.

Malaysia, seperti negara-negara lain di seluruh dunia, menghadapi kesan buruk daripada pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Sekatan dalam pergerakan orang ramai telah memaksa mesyuarat diatur dan dilakukan secara dalam talian melalui pelbagai aplikasi mesyuarat secara maya. Walau bagaimanapun, MyCC telah berjaya mengadakan 3 program kerjasama antarabangsa, menghadiri sejumlah 14 program pembinaan kapasiti dan 9 mesyuarat di peringkat antarabangsa yang merangkumi forum, bengkel, program penempatan dan program pembinaan kapasiti lain. MyCC juga telah menganjurkan satu siri kuliah dan membuat lawatan kerja ke Filipina pada awal tahun 2020.

Kerjasama Antarabangsa

Workshop on Recent Competition Issues in Malaysia



MyCC dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency (JICA)* dan *Japan Fair Trade Commission (JFTC)* telah menganjurkan *Workshop on Recent Competition Issues in Malaysia* pada 4 Mac 2020 di Hotel Corus, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dihadiri oleh pemain industri Jepun, badan penguatkuasa tempatan, pengawal selia, pensyarah universiti serta usahawan Jepun yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Objektif

Bengkel ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:



Pencapaian

Antara pencapaian mengendalikan bengkel ini adalah seperti berikut:

-
- The outcomes are presented in three panels, each with a red number and a descriptive text. Below each panel is a photograph related to the outcome.
- 01** Seramai hampir 50 peserta terdiri daripada pemain industri dari Jepun, badan penguatkuasa, pengawal selia di Malaysia dan pensyarah universiti telah menghadiri bengkel tersebut
 - 02** Bengkel ini telah mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta kerana topik yang dibincangkan adalah selaras dengan perkembangan semasa terutamanya dalam segmen perolehan awam, rejim kelonggaran dan e-dagang
 - 03** Kerjasama antara Jepun dengan Malaysia akan dipupuk kerana pemain industri akan lebih selesa untuk menjalankan perniagaan di Malaysia selepas diberi pendedahan mengenai undang-undang persaingan



PROGRAM ANTARABANGSA

UNCTAD Briefing to MyCC on Defending Competition During COVID-19 and Other Related Matters

Dalam mengharungi norma baharu, proses persaingan di pasaran tetap menjadi keutamaan MyCC bagi memastikan harga barang sentiasa berpatutan dan pemain industri kekal berdaya saing. Penularan pandemik COVID-19 ini juga telah mendorong pihak berkuasa persaingan di seluruh dunia untuk mengkaji semula penguatkuasaan undang-undang persaingan terutama dalam memberikan fleksibiliti untuk sebarang amalan antipersaingan di pasaran untuk mengelakkan kerugian yang lebih besar kepada masyarakat, perusahaan dan juga ekonomi negara.

Oleh itu, MyCC dengan kerjasama United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) telah menganjurkan program taklimat ini secara maya pada 12 Mei 2020. Program ini telah dihadiri oleh semua pegawai dan pembantu penyelidik MyCC.

Program taklimat ini dikendalikan oleh Pegawai Undang-undang di Bahagian Dasar Pengguna dan Persaingan UNCTAD, Dr. Pierre Horna serta pakar undang-undang persaingan dari UNCTAD, Cik Akari Yamamoto.

Objektif

Program taklimat ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:



Pencapaian

Antara pencapaian MyCC bagi program ini adalah seperti berikut:

01	Seramai hampir 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan pembantu penyelidik MyCC telah menghadiri taklimat ini	02	Taklimat ini mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta kerana topik yang dibincangkan adalah selaras dengan perkembangan semasa yang berkaitan dengan COVID-19
-----------	--	-----------	--

PROGRAM ANTARABANGSA

BIL.	PROGRAM/PROJEK	TARIKH	ORGANISASI KERJASAMA
1.	JICA-JFTC Workshop on Recent Competition Issues in Malaysia	4 Mac	1. Japan International Cooperation Agency (JICA) 2. Japan Fair Trade Commission (JFTC)
2.	Virtual Training with the World Bank	13-30 April	1. World Bank Group 2. US Department of Justice
3.	Briefing to MyCC on Defending Competition During COVID-19 and Other Related Matters	12 Mei	1. United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)

Pembangunan Kapasiti

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Professor Whish Lecture Series	14 Januari	Kuala Lumpur, Malaysia
2.	ACF 15 th Annual Conference, Europe – Asia Trade, Investment and Antitrust: Challenges & Opportunities	20-21 Januari	Valencia, Sepanyol
3.	2020 Forum on Competition in Developing Countries	30-31 Januari	Manila, Filipina
4.	JICA-JFTC Workshop on Recent Competition Issues in Malaysia	4 Mac	Kuala Lumpur, Malaysia
5.	Virtual Training with the World Bank	13-30 April	Dalam Talian melalui Webex
6.	OECD/KPC Workshop on Competition Roles in the Health Sector	16-17 & 20-21 Julai	Dalam Talian

PROGRAM ANTARABANGSA

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
7.	GCR Live Singapore: 9 th Annual Asia-Pacific Law Leaders Conference 2020	3-4 September	Dalam Talian
8.	AANZFTA CLIP/CAP Competition and Consumer Protection in Digital Markets	9 September	Dalam Talian
9.	ICN Virtual Annual Conference 2020	14-17 September	Dalam Talian
10.	OECD/KPC/ADB/PCC Workshop on Competition Economics for ASEAN Competition Authorities on Merger	5,7,8,9 Oktober	Dalam Talian
11.	OECD/KPC/ADB/PCC Workshop on Competition Economics for ASEAN Competition Authorities on Abuse of Dominance	19, 21, 22, 23 Oktober	Dalam Talian
12.	ASEAN-ERIA Dialogue on Digital Trade	28 Oktober	Dalam Talian
13.	APEC 13th Conference on Good Regulatory Practices (GRP13)	25-26 November	Dalam Talian
14.	OECD 19 th Global Forum on Competition	7-10 Disember	Dalam Talian

PROGRAM ANTARABANGSA

Mesyuarat Peringkat Antarabangsa

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Consultation Meeting on the PCC's Merger Regime	29 Januari	Manila, Filipina
2.	1 st AEGC Online Meeting	9 Jun	Dalam Talian
3.	4 th Meeting of High-Level Representatives of Asia-Pacific Competition Authorities	15 Julai	Dalam Talian
4.	2 nd AEGC Online Meeting	21 Julai	Dalam Talian
5.	3 rd AEGC Online Meeting	6 Ogos	Dalam Talian
6.	4 th AEGC Online Meeting	3-4 September	Dalam Talian
7.	25 th ASEAN Experts Group on Competition and Other Related Meetings	20-22 Oktober	Dalam Talian
8.	1 st AANZFTA Competition Committee Discussion on Consumer Protection Provisions under the AANZFTA Competition Chapter	18 November	Dalam Talian
9.	5 th Meeting of High-Level Representatives of Asia-Pacific Competition Authorities	16 Disember	Dalam Talian

PROGRAM ANTARABANGSA

Mesyuarat Rundingan Mengenai Rejim Penggabungan Phillipine Competition Commission



Usaha untuk menambah baik Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 telah bermula sejak Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan pada bulan Januari 2012. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan yang menggesa kedua-dua Akta ini dipinda apabila dua syarikat e-hailing terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara bergabung dan meninggalkan Grab untuk memonopoli pasaran ini. Dalam hal ini, MyCC merupakan satu-satunya pihak berkuasa persaingan di rantau ASEAN yang tidak mempunyai kuasa untuk menghalang atau mengkaji semula kesan penggabungan tersebut. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh MyCC untuk meminda kedua-dua Akta ini bagi memastikan keberkesaan penguatkuasaan undang-undang persaingan. MyCC membuat lawatan kerja ke ibu pejabat Philippine Competition Commission (PCC) di Manila, Filipina pada 29 Januari 2020 sebagai usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai penguatkuasaan rejim penggabungan dan pengambilalihan di Filipina oleh PCC. Lawatan kerja ini juga dianjurkan sebagai inisiatif untuk meningkatkan rangkaian persaingan melalui kerjasama serantau dan antarabangsa.

Objektif

Lawatan kerja rasmi ini diadakan untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar pandangan, terutamanya dari PCC mengenai pelaksanaan rejim penggabungan dan pengambilalihan (M&A) di Filipina. Perkongsian pengetahuan ini adalah selaras dengan matlamat MyCC untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan dalam Akta Persaingan 2010

PROGRAM ANTARABANGSA

Pencapaian

01

PCC berkongsi pengalaman mereka dalam menguatkuasakan undang-undang penggabungan dan pengambilalihan di Filipina seperti isu-isu yang berkaitan dengan rangka kerja undang-undang penggabungan dan pengambilalihan, kerjasama antara agensi kerajaan, dasar kerajaan, kepentingan negara, dan penggabungan rentas sempadan

02

Hasil mesyuarat ini akan diambil kira dan disesuaikan dengan rangka kerja MyCC dan rancangan untuk melaksanakan rejim penggabungan dan pengambilalihan dalam masa terdekat

03

PCC juga bersetuju secara prinsip untuk bekerjasama bersama MyCC untuk mengadakan bengkel kepada pegawai MyCC mengenai penggabungan dan pengambilalihan pada masa akan datang

Lawatan Kerja

BIL.	PROGRAM	TEMPAT & TARikh	RINGKASAN
1.	Mesyuarat Rundingan mengenai Rejim Penggabungan bersama Philippine Competition Commission	Manila, Filipina 29 Januari 2020	<p>Semasa Mesyuarat Pelan Strategik MyCC 2020 pada bulan November 2019, telah dipersebutui bahawa di bawah Matlamat Strategik 1, inisiatif untuk meningkatkan rangkaian persaingan melalui kerjasama serantau dan antarabangsa akan dilakukan dengan menganjurkan lawatan kerja ke Philippine Competition Commission (PCC). Lawatan kerja itu diadakan untuk mengetahui lebih lanjut daripada PCC mengenai rangka kerja penggabungan dan pengambilalihan mereka, perkongsian maklumat sulit, kes rentas sempadan untuk penggabungan, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penguatkuasaan rejim penggabungan sebagai sebahagian daripada persediaan MyCC untuk menuahkan unit interim penggabungan.</p> <p>Selain itu, MyCC juga dapat memahami lebih lanjut mengenai strategi kerjasama PCC antara agensi kerajaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan dasar kerajaan.</p> <p>Hasil mesyuarat itu kemudian dimuktamadkan dengan potensi kerjasama pada masa depan mengenai penguatkuasaan penggabungan antara MyCC bersama PCC. PCC juga bersetuju untuk berkongsi nasihat teknikal pada masa depan, dan memberikan cadangan beberapa orang pakar rejim penggabungan yang boleh membantu dalam usaha tersebut.</p>

PROGRAM ANTARABANGSA

BIL.	PROGRAM	TEMPAT & TARikh	RINGKASAN
2.	Kunjungan Hormat ke Suruhanjaya Persaingan Malaysia oleh Japan Fair Trade Commission (JFTC) dan Japan International Cooperation Agency (JICA)	Kuala Lumpur, Malaysia 5 Mac 2020	<p>Lanjutan Workshop on Recent Competition Issues in Malaysia pada 4 Mac 2020, JFTC dan JICA telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat MyCC di Kuala Lumpur pada 5 Mac 2020 untuk berbincang mengenai bantuan JFTC dan JICA bagi kerjasama teknikal yang dirancang untuk diadakan pada tahun 2021.</p> <p>Perbincangan ini memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang diperlukan oleh MyCC dari segi program kerjasama teknikal, mengenai pindaan keseluruhan Akta Persaingan 2010 dan untuk mendapatkan pandangan mengenai Garis Panduan Rejim Kelonggaran JFTC.</p> <p>Program ini telah dikenali sebagai Khidmat Nasihat JFTC mengenai Undang-undang Persaingan dan akan dijalankan sepanjang tahun 2021</p>
3.	Kunjungan Hormat Dalam Talian ke Suruhanjaya Persaingan Malaysia oleh Jawatankuasa Anti-monopoli Republik Uzbekistan (AMC Uzbekistan)	Dalam talian 24 Julai 2021	<p>MyCC telah mengadakan perbincangan dengan AMC Uzbekistan secara maya pada 24 Julai 2020, melalui persidangan maya dalam talian.</p> <p>Dalam perbincangan itu, kedua-dua pihak telah menyatakan hasrat untuk meneroka kerjasama dalam bidang undang-undang persaingan antara Malaysia dan Uzbekistan.</p> <p>Pada 6 Oktober 2020, Encik Kirill Korotkov, Ketua Strategi AMC Uzbekistan telah menghantar rangka kerja yang dicadangkan bagi menetapkan butiran kerjasama untuk pertimbangan MyCC. Sebagai maklum balas kepada cadangan tersebut, MyCC telah merangka maklum balas dan komennya mengenai rangka kerja yang dicadangkan untuk memenuhi sumber dan tenaga kerja MyCC yang sedia ada. Perbincangan antara kedua-dua pihak sedang berlangsung sehingga ke hari ini.</p>

PROGRAM ANTARABANGSA

BIL.	PROGRAM	TEMPAT & TARikh	RINGKASAN
4.	EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUROCHAM)	Kuala Lumpur, Malaysia 11 Ogos 2020	<p>Pada 13 Julai 2020, MyCC telah menerima e-mel daripada EUROCHAM Malaysia berkenaan dengan Kempen Penjenamaan Semula EUROCHAM. MyCC juga telah memberikan mesej ringkas berupa ucapan tahniah di atas pelancaran penjenamaan semula itu. Selain daripada kempen penjenamaan semula, EUROCHAM juga memohon untuk mengadakan kunjungan hormat ke pejabat MyCC.</p> <p>Lawatan ini telah diadakan pada 11 Ogos 2020, dan lawatan ini telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif mereka, Encik Sven Schneider. Mesyuarat itu diakhiri dengan hasrat EUROCHAM untuk mengadakan kerjasama strategik melalui Memorandum Persefahaman bersama MyCC untuk memupuk usaha kedua-dua pihak dalam mewujudkan kesedaran serta usaha untuk mempromosikan serta menganjurkan program advokasi berkaitan undang-undang persaingan.</p>

PROGRAM ADVOKASI

Secara umumnya, selain daripada aktiviti penguatkuasaan, program advokasi merupakan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak khususnya pengguna dan perusahaan terhadap kewujudan serta peranan Suruhanjaya dan Akta 712. Pada tahun 2020, sebanyak 14 program advokasi telah dilaksanakan melibatkan pelbagai pihak dalam sektor awam, swasta, pihak berkepentingan, ahli profesional dan media.

Antara program-program advokasi yang dianjurkan oleh MyCC ialah:

Siri Kuliah Profesor Richard Whish

MyCC telah menganjurkan Siri Kuliah Profesor Richard Whish pada 14 Januari 2020 di Hotel Aloft, Kuala Lumpur. Program ini telah dihadiri oleh para peserta yang terdiri daripada pegawai Kerajaan, peguam, ahli perniagaan, ahli akademik, pelajar universiti dan pelatih dalam kamar. Siri kuliah itu turut dihadiri oleh Anggota Suruhanjaya, Anggota Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) dan pegawai-pegawai Suruhanjaya.

MyCC telah menjemput Profesor Richard Whish yang merupakan pakar undang-undang persaingan dari King's College London, United Kingdom untuk berkongsi pengetahuan, cadangan dan input beliau mengenai pelaksanaan dasar dan undang-undang persaingan Malaysia. MyCC juga menjemput Encik Harikumar Pillay, konsultan daripada Baker McKenzie yang juga pakar dalam undang-undang persaingan dan ekonomi untuk menyampaikan syarahan bersama Profesor Whish.



VVIP/VIP

BIL.	NAMA	JAWATAN	KEMENTERIAN
1.	YB Datuk Seri Saifuddin Nasution b. Ismail	Menteri	KPDNHEP
2.	YBrs. Dr. Alauddin b. Sidal	Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)	KPDNHEP
3.	YBhg. Datuk Rostam Affendi b. Dato' Salleh	Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan)	KPDNHEP

Objektif

Siri kuliah ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:



Pencapaian

Antara pencapaian bagi siri kuliah ini adalah seperti berikut:

<p>01</p> <p>Seramai hampir 150 peserta daripada pelbagai latar belakang menghadiri siri kuliah ini seperti pegawai Kerajaan, peguam, ahli perniagaan, ahli akademik, pelajar universiti dan pelatih guaman</p>	<p>02</p> <p>Siri kuliah ini mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta kerana topik yang dibincangkan oleh konsultan adalah selaras dengan perkembangan semasa terutamanya ekonomi digital dan tipuan bida</p>
--	---

PROGRAM ADVOKASI

Sesi Taklimat Penguatkuasaan dan Pematuhan Akta Persaingan 2010 di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak

Dalam usahanya untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap Akta Persaingan 2010, MyCC meneruskan usaha dengan menganjurkan pelbagai acara dan program untuk memupuk persekitaran ekonomi yang kondusif untuk perniagaan dan pengguna. Pada 27 Februari 2020, MyCC telah menganjurkan sesi taklimat mengenai “Penguatkuasaan dan Pematuhan Akta Persaingan 2010” di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak. Sesi itu telah dihadiri oleh 97 peserta dalam kalangan pegawai kerajaan, pengawal selia, syarikat swasta dan pihak berkepentingan di Sarawak. Objektif sesi taklimat ini adalah untuk memperkenalkan peranan dan fungsi Suruhanjaya secara amnya dan isu-isu berkaitan Akta Persaingan 2010 khususnya kepada para peserta.



PROGRAM ADVOKASI

Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Aktiviti Perolehan Awam

Pada 1 dan 8 Oktober 2020, MyCC telah menganjurkan program bertajuk "Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Aktiviti Perolehan Awam" di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Program ini diadakan untuk pegawai yang terlibat secara langsung dalam proses perolehan. Selain itu, taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pegawai mengenai kaedah dan prosedur perolehan bagi mengelak tipuan bida. Program itu dihadiri 49 peserta bagi membincangkan hubungan antara tipuan bida dan rasuah, keberkesanan prosedur perolehan, risiko tipuan bida, rundingan terus dan siasatan yang dijalankan oleh MyCC berkaitan tipuan bida.

Program advokasi ini merupakan salah satu inisiatif berterusan yang dijalankan oleh MyCC untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pegawai perolehan dan pegawai kerajaan dalam sektor awam tentang peranan MyCC dan pelaksanaan Akta Persaingan 2010, khususnya dalam menangani isu tipuan bida dalam perolehan awam.



PROGRAM ADVOKASI

Sesi Taklimat kepada Suruhanjaya Tenaga Mengenai Akta Persaingan 2010

MyCC juga telah menganjurkan sesi taklimat kepada Suruhanjaya Tenaga pada 23 Disember 2020 di Putrajaya. Program ini merupakan platform yang berkesan untuk memberikan pendedahan yang lebih luas tentang dasar dan undang-undang persaingan di mana pengetahuan dan pengalaman disampaikan secara langsung oleh penceramah yang pakar dalam hal persaingan.



PROGRAM ADVOKASI

Senarai Program-Program Advokasi

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Siri Kuliah Profesor Whish	14 Januari 2020	Ball A, Aloft Hotel, KL Sentral, Kuala Lumpur
2.	Taklimat Penguatkuasaan dan Pematuhan Undang-undang Persaingan 2010	27 Februari 2020	Hotel Hilton Hotel, Kuching, Sarawak
3.	MyCC @ Kampus bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	28 Februari 2020	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, Sarawak
4.	“MyCC Classroom” bersama Universiti Malaya	8 Mei 2020	Melalui Zoom
5.	Kunjungan Hormat EUROCHAM Malaysia	11 Ogos 2020	Bilik Mensyuarat Utama, MyCC
6.	4 th Annual Legal Asia 2020: The Paradigm Shift	7 September 2020	Hotel Pullman, KLCC, Kuala Lumpur
7.	“MyCC Classroom” dengan Universiti Monash	14 September 2020	Melalui Zoom
8.	Bual Bicara Bersama Universiti Taylor’s	30 September 2020	Melalui Zoom
9.	“Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam” kepada Pegawai-pegawai Jabatan Integriti, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1 Oktober 2020	Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
10.	“Kepatuhan Persaingan Kejuruteraan” The Institution of Engineers Malaysia (IEM)	7 Oktober 2020	Melalui Zoom
11.	“Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam” kepada Pegawai-pegawai Jabatan Integriti, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	8 Oktober 2020	Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
12.	Webinar “Gaining Market Access Talk”	8 Oktober 2020	Melalui Zoom
13.	Sesi Taklimat kepada Terengganu Incorporated Sdn Bhd mengenai Akta Persaingan 2010	16 Disember 2020	Melalui Zoom
14.	Sesi Taklimat kepada Suruhanjaya Tenaga mengenai Akta Persaingan 2010	23 Disember 2020	Suruhanjaya Tenaga, Putrajaya

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pada tahun 2020, inisiatif yang dijalankan termasuk pameran, mengadakan wawancara untuk media massa seperti radio, televisyen dan akhbar.

MyCC juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar melalui media cetak dan elektronik tentang kes-kes dan isu-isu yang melibatkan persaingan dan menjalankan publisiti dalam talian melalui media sosial dan laman sesawang rasmi MyCC.

Ceramah dan Wawancara

MyCC mengadakan beberapa siri ceramah dan wawancara yang dipaparkan di TV3, Astro Awani, Berita Harian, Bernama, Money Matters, The Edge, Nanyang Siang Pau dan BFM berhubung fungsi dan peranan MyCC, serta membuat liputan tentang isu dan perkembangan terkini mengenai MyCC dan undang-undang persaingan di Malaysia.





Imbas Kod QR
untuk paparan video

WAWANCARA DENGAN MEDIA ELEKTRONIK



Tajuk : Peniaga Kartel, Pengguna Rugi
Program: Soal Rakyat
Media : TV3
Tarikh : 1 Julai 2020



Tajuk : Kartel Mencengkam,
Rakyat Terbeban
Program: Agenda Awani
Media : Astro AWANI
Tarikh : 30 Julai 2020



Tajuk : Laporan Kajian Semula
Pasaran MyCC
Program: Ruang Bicara
Media : Bernama
Tarikh : 27 Oktober 2020



Tajuk : MyCC and Market Review
Program: Money Matters
Media : TV3
Tarikh : 12 Disember 2020



Tajuk : Tipuan Bida
Program: Buletin Utama
Media : TV3
Tarikh : 14 Disember 2020



Tajuk : MyCC's Challenge in 2020
Program: Baker McKenzie "In The Know"
Regulators Podcast Series
(Malaysia)
Media : Laman sesawang & Spotify Baker
McKenzie
Tarikh : 10 Januari 2021

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

WAWANCARA DENGAN MEDIA CETAK			
BIL.	ARTIKEL	MEDIA	TARIKH
1.	7 Pengusaha Gudang Diberi 30 Hari Tunjuk Sebab - MyCC	Berita Harian	9 Januari 2020
2.	7 Syarikat Diarah Beri Penjelasan	Berita Harian	10 Januari 2020
3.	Kartel Tetap Harga	Harian Metro	10 Januari 2020
4.	MyCC: Calling 7 Warehouse Operator to Explain	Sin Chew Daily	10 Januari 2020
5.	MyCC Proposes to Fine Seven Warehouse Operators for Price-Fixing	The Edge	10 Januari 2020
6.	Hanya 4 Bidang Tidak Termasuk Di Bawah Skop Pengawalan MyCC. MyCC Pantau Penggabungan Dan Pengambilalihan Korporat	Nanyang Siang Pau	12 September 2020
7.	MyCC Contohi Undang-undang Australia Untuk Memaksa Google & Facebook Membayar Penggunaan Kandungan Berita	Nanyang Siang Pau	13 September 2020
8.	Kajian Pasaran MyCC Bagi 4 Produk Terpilih, Kurangkan Kos dan Lindungi Pengguna	Nanyang Siang Pau	14 September 2020
9.	MyCC Jana Budaya Persaingan Sihat	Berita Harian Ahad	4 Oktober 2020

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

Pada tahun 2020, sebanyak 7 kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh MyCC berkaitan;

BIL.	SIARAN AKHBAR	TARIKH
1.	MyCC Cadang Denda 7 Pengusaha Operator Gudang bagi Kegiatan Kartel Penetapan Harga	9 Januari 2020
2.	MyCC Jalankan Rundingan Awam bagi Kajian Semula Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 bagi Sektor Perkhidmatan di Malaysia (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih)	5 Februari 2020
3.	Kenyataan Akhbar MyCC mengenai COVID-19	12 Mac 2020
4.	Joint Statement by The ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) in Response to The Coronavirus Disease (COVID-19) Pandemic	11 Jun 2020
5.	MCMC dan MyCC Bekerjasama Tangani Perjanjian Eksklusif di Bangunan Tinggi	17 Ogos 2020
6.	MyCC Melancarkan Kajian Semula Pasaran bagi Industri Borong dan Runcit	20 Ogos 2020
7.	MyCC dan SPRM Bekerjasama Memerangi Isu Ketirisan Perolehan Negara	13 November 2020

LAMAN SESAWANG DAN PLATFORM MEDIA SOSIAL

MyCC berkongsi aktiviti publisiti dan perhubungan awam melalui laman sesawang dan media sosial untuk menyebarkan maklumat terkini kepada orang ramai.

Laman Sesawang Rasmi MyCC:
www.mycc.gov.my

Sosial Media MyCC:
 @themycc

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

MyCC DALAM BERITA

KUALA LUMPUR (March 11): Dagang NetXchange Bhd (DNeX), fresh from winning the bid from Khazanah Nasional Bhd for its stake in loss-making wafer foundry SilTerra Malaysia Sdn Bhd last month, today announced that its unit has been granted an extension contract for a period of three years to operate the National Single Window (NSW) for trade facilitation.

In a statement today, the group said its wholly-owned subsidiary Dagang Net Technologies Sdn Bhd has received a letter from the government regarding the contract extension from Sept 1, 2021 until Aug 31, 2024 for the NSW.

"Under the contract extension, the company will continue to provide six core e-Services of the NSW for trade facilitation namely eDeclare, eManifest, ePO, ePermit, ePermitSTA, and ePayment in providing the trading community with connectivity to Customs and relevant agencies for import and export document processing.

"In addition, the company will also be providing services for the ASEAN Single Window," said DNeX.

Despite getting a contract extension, shares of DNeX settled two sen or 2.25% lower at 87 sen with some 226.78 million shares done. This valued the group at RM1.89 billion.

However, year to date, the stock has quadrupled from 23 sen on Dec 31, 2020.

DNeX has been the operator of the NSW for trade facilitation since 2009 and thus has so far received a couple of extensions to this concession, initially for two years each from Sept 25, 2016 to Sept 24, 2018 and from Sept 1, 2019 to Aug 31, 2021.

The NSW, which was developed by Dagang Net, entails the facilitation of electronic Customs-related transactions and duty payments, and electronic document transfers among manufacturers, importers, exporters, forwarders, shipping agents, terminal and port operators, banks, port authorities and permit-issuing agencies, among others.

The group said the contract has been a key contributor to DNeX's financial per-

After winning bid for Khazanah's SilTerra stake, DNeX bags three-year national single window contract extension

BY SYAFIQAH SALIM
theedgemarkets.com



formance, contributing about RM90 million in revenue per year.

"We would like to thank the Government of Malaysia namely the Ministry of Finance and the Royal Malaysian Customs Department for their continued confidence in us. The contract extension is a strong testament to our strength and capabilities as a leading eServices provider in trade facilitation," said its group managing director Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, who is also Dagang Net chairman.

The company, he said, is also expanding the offering of its trade facilitation

eServices with the introduction of business-to-business (B2B) initiatives that can contribute to the country's digital economy push.

"We strive to position ourselves as the digital trade facilitation partner for not only the government agencies but also businesses towards improvements and efficiency in their processes," he added.

In a bourse filing, DNeX said: "There is also no effect on the gearing of DNeX Group resulting from the contract extension as the contract will be funded via internally generated funds. Barring any unforeseen circumstances, the contract extension is expected to contribute positively towards the earnings, earnings per share and net assets per share of DNeX Group during the contract extension period."

It was reported on July 11, 2018, that the Malaysia Competition Commission (MyCC) has proposed to fine Dagang Net RM17.4 million for abusing its position as a monopoly in the provision of trade facilitation services under the NSW.

According to MyCC, the investigation has provisionally found that Dagang Net had abused its dominant position by refusing to supply new and/or additional mailboxes to end-users who utilized front-end software from software solutions providers which were not considered to be Dagang Net's authorized business partners.

DNeX said it would challenge the penalty fine imposed by MyCC by submitting a written representation to the commission to make its case.

On Feb 26, 2021, the company announced that MyCC had lowered its proposed fine to RM10.3 million after it had deliberated that Dagang Net had infringed Section 10 of the Act concerning exclusive dealing.

"However, MyCC did not find any infringement in respect of the allegation on refusal to supply electronic mailboxes to end-users of unauthorised software providers," it said.

DNeX said it would be appealing the decision.

MyCC siasat penipuan bida RM5.9b

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyiasat sebanyak 500 syarikat yang disyaki terlibat dalam kes penipuan bida melibatkan nilai tender berjumlah RM5.9 billion.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, ia membabitkan tender yang dikeluarkan oleh kementerian, agensi kerajaan serta syarikat swasta.

"Ibu penipuan bida ini menjadi tumpuan utama MyCC kerana setiap tahun Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun memperoleh barangan dan perkhidmatan melalui tender awam bernilai lebih RM150 billion.

"MyCC pada masa ini sedang menyiasat beberapa kes penipuan bida yang membabitkan tender beberapa kementerian, agensi kerajaan dan syarikat swasta dengan nilai tender yang disiasat dan diteliti dianggarkan berjumlah RM5.9 billion," katanya ketika sesi kamar khas di Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian untuk menjawab soalan Datuk Robert Lawson Chua (GPS-Betong) mengenai rancangan kerajaan membendung masalah penipuan bida, rancangan kerajaan untuk memperbaiki peranan MyCC dan dakwaan oleh Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) kononnya wujud kartel tender oleh kontraktor pembinaan.

Berkenaan dakwaan PKBM, Alexander berkata, siasatan berhubung perkarai itu sedang dilaksanakan.

"MyCC percaya pentakutuasaan bukan penyelesaian menyeluruh bagi isu tipuan bida. Oleh itu, MyCC menjalankan program mempertingkat kesedaran mengenai Akta Persaingan dan isu persaingan melalui program advokasi," jelasnya.

Pembida bentuk kartel manipulasi harga tender kerajaan

Ikuti soal jawab bersama Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC
Muka 13



MyCC imposes fines on Tune unit, 21 other insurers

PETALING JAYA: Tune Protect Group Bhd (TPG) sold its unit, along with 21 other general insurance companies, to MyGeneral Insurance Association of Malaysia (PMAM) for RM133.2mil. It was found to have infringed Section 4 of the Competition Act 2010 and MyCC imposed a RM133.2mil fine on TPG.

The company had imposed a financial penalty of RM21.7mil only on its general insurance unit, while the remaining 21 units (TMB) in total, all the 22 general insurance com-

panies, which are members of the General Insurance Association of Malaysia (PMAM), were found to have infringed Section 4 of the Competition Act 2010 and TMB imposed a RM111.5mil fine on them.

"The company agreed to pay the agreed sum to cease implementing the agreed parts trade between the boundary lines and paid immediately agreed to the works with immediate effect; and determine all future arrangements between the parties and labour rates with the workshops independently," TPG said yesterday.

"The company and TMB in consultation with their legal counsels are of the firm view that the fine imposed by MyCC under the Competition Act 2010 and that TMB imposed a fine on the boundary lines and paid immediately agreed to the works with immediate effect; and determine all future arrangements between the parties and labour rates with the workshops independently," TPG said yesterday.

07



PENYATA KEWANGAN 61





Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.myclcc.gov.my



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuralkan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


HELY HERLYNNNA MOHD KASSIM
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2021






PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA *

Saya, **ISKANDAR BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 23 AUG 2021)


ISKANDAR BIN ISMAIL
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA




PESURUHJAYA SUMPAH
5B, JALAN RAKYAT
(JALAN TRAVERS)
BRICKFIELDS
50470 KUALA LUMPUR





**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Kami **DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS** dan **DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Suruhanjaya **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2020** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya,

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya,

**DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN
MD YUNUS
PENGURUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

TARIKH: 23 0605 2021
TEMPAT:KUALA LUMPUR

**DATO' JAGJIT SINGH A/L
BANT SINGH
ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN
MALAYSIA**

TARIKH: 23 0605 2021
TEMPAT:KUALA LUMPUR



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2020

NOTA	2020 RM	2019 RM	<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3 618,942	715,007	
Jumlah Aset Bukan Semasa	618,942	715,007	
ASET SEMASA			
Deposit dan Prabayar	4 272,550	221,441	
Faedah Terakru	-	323,112	
Pelbagai Penghutang	7,400	16,131	
Tunai dan Kesetaraan Tunai	5 40,249,879	43,275,146	
Jumlah Aset Semasa	40,529,829	43,835,830	
JUMLAH ASET	41,148,771	44,550,837	
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Geran Kerajaan Tertunda	6 856,555	823,873	
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	856,555	823,873	
LIABILITI SEMASA			
Akruan dan Peruntukan		375,963	251,688
Pembiutang	7 426,442	262,553	
Pendapatan Tertunda	15 19,664,700	19,664,700	
Cukai Belum Bayar	-	221,042	
Jumlah Liabiliti Semasa	20,467,105	20,399,983	
JUMLAH LIABILITI	21,323,660	21,223,856	
JUMLAH ASET BERSIH	19,825,111	23,326,981	
JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI	41,148,771	44,550,837	

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	NOTA	2020 RM	2019 RM
HASIL			
Penerimaan daripada Geran Kerajaan	8	6,317,518	16,361,423
Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap	9	918,794	921,008
Yuran Seminar		34,730	38,235
Lain-Lain Terimaan		4,114	11,928
Jumlah Hasil		7,275,156	17,332,594
Belanja			
Emolumen		4,706,037	4,301,173
Perjalanan dan Penginapan		64,946	159,277
Utiliti dan Komunikasi		249,727	228,218
Sewa		1,302,499	1,018,260
Susut Nilai	3	282,526	385,202
Perbelanjaan Pentadbiran	10	77,532	114,265
Perbelanjaan Perkhidmatan		191,461	248,110
Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya		644,478	663,039
Keraian, Honorarium dan Sumbangan		108,183	171,882
Perbelanjaan Unit/Bahagian	11	2,282,319	2,501,885
Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran	12	867,318	515,423
Jumlah Belanja		10,777,026	10,306,734
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai		(3,501,870)	7,025,860
Cukai Pendapatan	13	-	(221,042)
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		(3,501,870)	6,804,818

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Lebihan Terkumpul RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Baki pada 1 Januari 2019 (Seperti yang dinyatakan terdahulu)	16,553,654
Pelarasan tahun lalu	(31,491)
Lebihan Pendapatan	6,804,818
Baki pada 31 Disember 2019	23,326,981
(Kurangan) Pendapatan	(3,501,870)
Baki pada 31 Disember 2020	19,825,111

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI (Kurangan)/Lebihan Pendapatan	(3,501,870)	6,804,818
Pelarasan:		
Susut Nilai	282,526	385,202
Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap	(918,794)	(921,008)
(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA	(4,138,138)	6,269,012
(Pertambahan)/Pengurangan Deposit dan Prabayar	(51,109)	1,649
Pengurangan/(Pertambahan) Pelbagai Penghutang	8,731	(6,781)
Pertambahan Pelbagai Pembiutang	288,164	13,822,655
Pertambahan Geran Kerajaan Tertunda	32,682	384,577
TUNAI DIGUNAKAN BAGI AKTIVITI OPERASI	(3,859,670)	20,471,112
Cukai Dibayar	(221,042)	-
ALIRAN TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI	(4,080,712)	20,471,112
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(186,461)	(114,994)
Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap	1,241,906	1,044,110
ALIRAN TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	1,055,445	929,116
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(3,025,267)	21,400,228
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	43,275,146	21,874,918
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	40,249,879	43,275,146
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:		
Wang Tunai dan Baki Bank	8,884,887	13,041,404
Simpanan Tetap	31,364,992	30,233,742
	40,249,879	43,275,146

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BELANJAWAN DAN SEBENAR

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	JUMLAH BELANJAWAN		JUMLAH SEBENAR	VARIAN
	ASAL RM	AKHIR RM	RM	
Belanja				
Emolumen	4,976,520	4,869,120	4,706,037	(163,083)
Perjalanan dan Penginapan	216,500	201,500	64,946	(136,554)
Utiliti dan Komunikasi	271,000	271,000	249,727	(21,273)
Sewa	1,400,000	1,400,000	1,302,499	(97,501)
Susut Nilai	-	-	282,526	282,526
Perbelanjaan Pentadbiran	490,000	2,995,080	77,532	(2,917,548)
Perbelanjaan Perkhidmatan	2,804,080	234,000	191,461	(42,539)
Gaji dan Elaun Anggota				
Suruhanjaya	734,000	676,400	644,478	(31,922)
Keraian, Honorarium dan Sumbangan	190,500	190,500	108,183	(82,317)
Perbelanjaan Unit/Bahagian	4,885,000	5,130,000	2,282,319	(2,847,681)
Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran	1,723,873	1,723,873	867,318	(856,555)
Jumlah Belanja	17,691,473	17,691,473	10,777,026	6,914,447

Nota: Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi Kajian Pasaran adalah termasuk baki yang dibawa daripada tahun 2019 yang berjumlah RM823,873.

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT AM

- 1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya) ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama Suruhanjaya adalah untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi Malaysia. Setakat 31 Disember 2020, Suruhanjaya ini menempatkan seramai 74 orang pegawai.
- 1.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia beroperasi di alamat Tingkat 15, Menara SSM @ Sentral No.7, Jalan Stesen Sentral 5, 50623 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 1.3 Penyata Kewangan Suruhanjaya adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020.
- 1.4 Mata wang fungsian Suruhanjaya adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana setiap operasi dan transaksi adalah dalam RM. Bagi tujuan penyata kewangan ia dicatatkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian Suruhanjaya.
- 1.5 Penyata Kewangan Suruhanjaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 23 Ogos 2021,
- 1.6 Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan, menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia, memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- 2.1.1 Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).
- 2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan kedua yang disediakan menggunakan MPSAS.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan (Bersambung)

2.1.3 Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan. Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia hendaklah didekahkan dalam nota 2.13 kepada penyata kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Pengiktirafan Pendapatan

(i) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Manakala, Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan, diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(ii) Denda dan Hukuman

Pendapatan denda dan hukuman merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

(iii) Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang. Manakala, pendapatan faedah bank diiktiraf berdasarkan akruan.

(iv) Yuran Seminar

Yuran seminar yang diterima merupakan hasil daripada pelaksanaan program seminar berkaitan dengan Akta Persaingan 2010 yang dijalankan sepanjang tahun kewangan MyCC.

(v) Yuran Permohonan Pengecualian

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (Bersambung)

2.2.1 Pengiktirafan Pendapatan (Bersambung)

(vi) Jualan Kenderaan dan Bahan Cetak

Jualan kenderaan merupakan hasil yang diterima oleh Suruhanjaya bagi kenderaan yang dilupuskan dan dijual.

(vii) Lain-Lain Terimaan

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.1 (i) hingga (vi) di atas. Ianya diiktiraf sebagai pendapatan selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset berkenaan ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pengurusan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 seunit.

2.3.2 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susut nilai dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira nilai kos aset sepanjang anggaran hayat berguna bagi aset-aset yang berkenaan.

2.4.2 Kadar susut nilai hartanah, loji dan peralatan adalah seperti yang berikut:

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan perabot	10%
Buku	10%
Komputer	20%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.4 Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan (Bersambung)

2.4.3 Sekiranya terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif pada tahun semasa.

2.5 Aset Kewangan

2.5.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.5.2 Pada awal pengiktirafan, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menjana aset kewangan.

2.5.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.5.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.5.5 Suruhanjaya mempunyai kategori aset kewangan seperti yang berikut:

(i) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mangambil kira apa-apa diskau atau premium atas pembelian aset tersebut serta kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.5 Aset Kewangan (Bersambung)

2.5.5 Suruhanjaya mempunyai kategori aset kewangan seperti yang berikut: (bersambung)

(ii) Pelaburan dipegang hingga matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambil alihan dan kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

(iii) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah tamat tempoh atau telah selesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain. Semasa penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

(iv) Rosot nilai aset kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset kewangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai yang diperolehi dengan membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditafsirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat ia akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga amaun sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susut nilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susut nilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata prestasi kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.6 Peruntukan dan Liabiliti

2.6.1 Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Suruhanjaya menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan di dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.7 Liabiliti Kewangan

2.7.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2 Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.7.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.7.4 Suruhanjaya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti yang berikut:

(i) Pinjaman dan belum bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan di dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sekiranya terdapat perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.8 Kemungkinan Luar Jangka

- 2.8.1 Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan Suruhanjaya. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah ‘Seksyen 21 Kemungkinan Luar Jangka’ tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjelaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

- 2.9.1 Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi-institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai tidak ketara.

2.10 Manfaat Pekerja

2.10.1 (i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek merangkumi gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan.

(ii) Manfaat Pekerja Selepas Perkhidmatan

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada kadar yang wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman berkenaan dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi pekerja yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Kakitangan tetap Suruhanjaya akan diberikan ganjaran cuti rehat (GCR) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Suruhanjaya.

2.11 Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

- 2.11.1 Setiap hasil, perbelanjaan dan juga aset diiktiraf bersih daripada SST. Jumlah SST tidak dituntut dan diiktiraf sebagai perbelanjaan atau sebahagian daripada kos perolehan aset.

2.12 Maklumat Bajet

- 2.12.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu penyata perbandingan bajet dan sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.13 Pertimbangan dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.13.1 Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur:

- (i) Perubahan Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilaiakan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset berkenaan. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.
- (ii) Pengiraan Cukai Pendapatan

Pertimbangan adalah penting dalam menentukan cukai semasa dan cukai tertunda Suruhanjaya oleh kerana cukai muktamad bagi Suruhanjaya secara keseluruhan adalah tidak menentu. Apabila keputusan akhir cukai yang perlu dibayar telah ditentukan oleh pihak berkuasa, jumlah berkenaan mempunyai kebarangkalian berbeza daripada anggaran awal cukai yang perlu dibayar. Perbezaan tersebut boleh memberi kesan kepada cukai semasa dan cukai tertunda pada tempoh pengiraan dibuat. Suruhanjaya akan mengambil kira perbezaan berkenaan samaada ia terlebih atau terkurang pada cukai semasa atau cukai tertunda dalam tempoh perbezaan tersebut dikenalpasti.
- (iii) Pengukuran Peruntukan

Suruhanjaya sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas bagi mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran tersebut dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.14 Kesan Pemakaian MPSAS

2.14.1 Peruntukan yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan:

- (i) Peruntukan ke atas Gantian Cuti Rehat (GCR)

Bagi tahun kewangan sebelum ini, Suruhanjaya tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. Suruhanjaya telah membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat dengan membuat beberapa andaian semasa pengiraan dilaksanakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.14 Kesan Pemakaian MPSAS (Bersambung)

2.14.2 Peruntukan yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan:

- (i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Suruhanjaya tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakanapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakanapakai rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka Suruhanjaya memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

2.15 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

2.15.1 Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

- (i) Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

- (ii) Risiko Kredit

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kredit.

- (iii) Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

- (iv) Risiko Mudah Tunai

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

- (v) Risiko Tindakan Guaman

Subseksyen 3(3) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan Suruhanjaya boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3(4) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat kontrak. Suruhanjaya boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya Suruhanjaya melanggar kontrak atau mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

2.16 Peristiwa Penting Berlaku Semasa dan Selepas Daripada Tempoh Pelaporan

2.16.1 Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987 bagi membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia bermula 18 Mac 2020. Tambahan daripada itu, pelaksanaan PKP Bersyarat (PKPB) telah dilaksanakan dengan sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial telah dibenarkan mulai 4 Mei 2020. Pada 7 Jun 2020, Kerajaan telah mengumumkan PKPB untuk digantikan dengan PKP Pemulihan (PKPP) yang memberikan lebih banyak kelonggaran diberi bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020. Pada 28 Ogos 2020, kerajaan telah mengumumkan PKPP untuk dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun, bermula 13 Oktober 2020, pelaksanaan PKPB telah diumumkan semula berdasarkan kepada situasi semasa di beberapa lokaliti di negeri-negeri tertentu.

Selepas pengumuman pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP pada tahun 2020, terdapat perbezaan bagi belanjawan yang diluluskan dan perbelanjaan yang dibelanjakan pada tahun kewangan 2020. Batasan pergerakan dan keperluan penjarakan sosial menyebabkan beberapa aktiviti Suruhanjaya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Antaranya ialah aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan yang melibatkan aktiviti lapangan termasuk aktiviti pengumpulan maklumat tidak dapat dilaksanakan, kebanyakkan kes perundungan di peringkat Mahkamah telah ditangguh daripada tarikh yang telah ditetapkan pada awalnya, program advokasi serta penglibatan latihan/seminar dalam dan luar negara secara praktikal tidak dapat dilaksanakan, disamping kutipan denda tidak dapat dimuktamadkan pada tahun kewangan 2020.

Dijangka pada tahun 2021 keadaan yang sama akan berterusan dan sedikit sebanyak memberikan kesan yang sama kepada Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus berusaha meneruskan tanggungjawab dan peranan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 secara efisien dan efektif demi kepentingan ekonomi dan anjakan supaya ekonomi negara berkembang pesat.

Kesan Pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan Suruhanjaya pada 31 Disember 2019 adalah seperti yang berikut:

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Piawaian Perakaunan Terdahulu RM	Pelarasan RM	MPSAS RM
ASET BUKAN SEMASA Hartanah, Loji dan Peralatan	715,007	-	715,007
Jumlah Aset Bukan Semasa	715,007		715,007
ASET SEMASA Deposit dan Prabayar Faedah Terakru Pelbagai Penghutang Tunai dan Kesetaraan Tunai	221,441 323,112 16,131 43,275,146	-	221,441 323,112 16,131 43,275,146
Jumlah Aset Semasa	43,835,830	-	43,835,830
JUMLAH ASET	44,550,837		44,550,837
LIABILITI BUKAN SEMASA Geran Kerajaan Tertunda	823,873	-	823,873
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	823,873		823,873
LIABILITI SEMASA Akruan dan Peruntukan Pemiutang Pendapatan Tertunda Cukai Belum Bayar	251,688 231,062 19,664,700 221,042	31,491	251,688 262,553 19,664,700 221,042
Jumlah Liabiliti Semasa	20,368,492	31,491	20,399,983
JUMLAH LIABILITI	21,192,365	31,491	21,223,856
JUMLAH ASET BERSIH	23,358,472	(31,491)	23,326,981
JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI	44,550,837	-	44,550,837

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. Hartanah, Loji dan Peralatan

	KENDERAAN BERMOTOR	PERABOT DAN KELENGKAPAN PEJABAT	BUKU	KOMPUTER	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2020	818,080	269,319	276,313	1,275,071	2,638,783
Pertambahan Tahun Semasa	89,022	3,988	-	93,451	186,461
Pelupusan Tahun Semasa	-	-	-	(144,088)	(144,088)
Baki pada 31 Disember 2020	907,102	273,307	276,313	1,224,434	2,681,156
Susut nilai Terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2020	595,819	170,627	179,703	977,627	1,923,776
Susut nilai Tahun Semasa	98,536	27,031	27,631	129,328	282,526
Pelupusan Tahun Semasa	-	-	-	(144,088)	(144,088)
Baki pada 31 Disember 2020	694,355	197,658	207,334	962,867	2,062,214
Nilai Buku Bersih	212,747	75,649	68,979	261,567	618,942

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. Hartanah, Loji dan Peralatan (Bersambung)

	KENDERAAN BERMOTOR	PERABOT DAN KELENGKAPAN PEJABAT	BUKU	KOMPUTER	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2019	818,080	269,319	276,313	1,160,077	2,523,789
Pertambahan Tahun Semasa	-	-	-	114,994	114,994
Baki pada 31 Disember 2019	818,080	269,319	276,313	1,275,071	2,638,783
Susut nilai Terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2019	501,732	143,695	152,072	741,075	1,538,574
Susut nilai Tahun Semasa	94,087	26,932	27,631	236,552	385,202
Baki pada 31 Disember 2019	595,819	170,627	179,703	977,627	1,923,776
Nilai Buku Bersih	222,261	98,692	96,610	297,444	715,007

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. Deposit dan Prabayar

	2020 RM	2019 RM
Deposit elektrik	77,470	77,470
Lain-Lain deposit dan cagaran	163,571	142,621
Belanja Prabayar	31,509	-
Pendahuluan Diri	-	1,350
Jumlah Deposit dan Prabayar	272,550	221,441

5. Tunai dan Kesetaraan Tunai

	2020 RM	2019 RM
Tunai dalam tangan	4,639	4,057
Akaun Semasa CIMB (Mengurus)	7,660,322	11,866,482
Akaun Semasa CIMB (Pembangunan)	1,219,926	1,170,865
Jumlah Wang Tunai dan Baki Bank	8,884,887	13,041,404
Simpanan Tetap		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	14,898,780	14,173,693
Malaysia Building Society Berhad	16,466,212	16,060,049
Jumlah Simpanan Tetap	31,364,992	30,233,742
Tunai dan Kesetaraan Tunai	40,249,879	43,275,146

6. Geran Kerajaan Tertunda (Liabiliti Bukan Semasa)

Suruhanjaya telah diberikan peruntukan geran pembangunan bagi pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun kewangan 2016, 2017, 2019 dan 2020. Baki Geran Pembangunan yang dibawa daripada tahun 2019 adalah RM823,873. Manakala pada tahun 2020, Suruhanjaya telah menerima peruntukan geran pembangunan berjumlah RM900,000 bagi menjalankan Kajian Semula Pasaran Sektor Pengangkutan. Daripada baki keseluruhan Geran Pembangunan tersebut sejumlah RM108,120 dibelanjakan bagi Kajian Semula Pasaran Sektor Pengangkutan dan RM759,198 bagi Kajian Semula Pasaran Sektor Perkhidmatan, ini menunjukkan baki berjumlah RM856,555 akan dibuat pada tahun berikutnya sehingga Kajian Semula Sektor Pengangkutan selesai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

7. Pemiutang

	2020 RM	2019 RM Seperti yang dinyatakan semula
Lain-Lain Potongan	730	4,596
Pemiutang - Lain -Lain	318,778	226,466
Pemiutang - Kakitangan	106,934	31,491
Jumlah Pemiutang	426,442	262,553

8. Penerimaan daripada Geran Kerajaan

	2020 RM	2019 RM
Geran Mengurus	5,450,200	15,846,000
Geran Pembangunan	867,318	515,423
	6,317,518	16,361,423

Suruhanjaya telah menerima pemberian belanja mengurus berjumlah RM5,450,200 (2019: RM15,846,000) bagi menampung tanggungan kewangan Suruhanjaya pada tahun 2020.

9. Faedah Bank dan Simpanan Tetap

	2020 RM	2019 RM
Faedah Bank	110,655	78,433
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	401,976	537,624
Malaysia Building Society Berhad	406,163	304,951
	918,794	921,008

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 1.90% - 3.90% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hari hingga 12 bulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. Perbelanjaan Pentadbiran

	2020 RM	2019 RM
Minyak Petrol	15,622	35,790
Perbelanjaan Pejabat	61,910	78,475
	77,532	114,265

11. Perbelanjaan Unit/Bahagian

	2020 RM	2019 RM
Latihan Pembangunan Kapasiti	465,935	1,127,276
Program Advokasi	6,371	171,635
Penguatkuasaan dan Penyiasatan	99,676	275,955
Perancangan Media dan Komunikasi	850,685	309,328
Perundungan	269,033	198,484
Penyelidikan (<i>Guidelines/Market Study</i>)	3,108	145,540
Pembangunan ICT dan Website	587,511	273,667
	2,282,319	2,501,885

12. Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran

	2020 RM	2019 RM
Kajian Pasaran Sektor Pengangkutan	108,120	-
Kajian Pasaran Sektor Perkhidmatan	759,198	76,127
Kajian Pasaran Sektor Makanan	-	439,296
	867,318	515,423

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

13. Cukai Pendapatan

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif pendapatan Suruhanjaya bagi tahun 31 Disember 2020 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
(Kurangan)/Lebihan sebelum cukai	(3,501,870)	7,025,860
Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun (24%)	(840,449)	1,686,206
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tolakan cukai	73,302	109,907
Kurangan perniagaan yang boleh ditolak	-	(1,417,797)
Elaun Modal	-	(157,274)
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	767,147	-
	NIL	221,042

14. Cukai Pendapatan

Pihak Pengurusan Utama merupakan mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Suruhanjaya secara langsung dan tidak langsung.

	2020 RM	2019 RM
Jumlah Emolumen dan Elaun	774,300	724,471
	774,300	724,471

15. Kes Perundangan

Pendapatan tertunda berjumlah RM19,664,700 merupakan bayaran penalti yang telah diputuskan ke atas MyEG berjumlah RM9,654,700 (2019: RM9,654,700) dan AirAsia Berhad (AirAsia) yang merangkumi penalti RM10,000,000 beserta kos RM10,000.

Setakat 31 Disember 2020, kes Malaysia Airline System Berhad (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia) masih di peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi.

